



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.33

SUBUH 4.43 SYURUK 6.07 DUHA 6.32 ZUHUR 12.20 ASAR 3.46 MAGHRIB 6.31 ISYAK 7.47

Daerah Belait ditambah 3 minit

Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 69

8 JUN 2024 / 1445 1 ذو الحجه

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

MANISNYA IMAN ایمان

DARIPADA Ibnu 'Abbas RadhiAllahu 'anhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda : Maksudnya : "Tidak ada amal soleh yang lebih afdal daripada amal soleh pada hari-hari ini (10 hari pertama bulan Zulhijah). Para sahabat bertanya : Dan tidak juga jihad (mampu menandinginya)? Baginda menjawab : Dan tidak juga jihad (mampu menandinginya), kecuali seorang yang keluar berjuang dengan jiwa dan hartanya lalu dia tidak kembali dengan suatu apa pun (mati syahid)". (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari).

PEMBANGUNAN PERBANDARAN ISLAM SEIMBANG LAHIRIAH, ROHANIAH

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Rabu, 5 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bermatlamat bahawa Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) membawakan tema 'Membangun Masyarakat dan Perbandaran Islam yang Mampan'.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali berkenan mengurniakan titah pada Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Fokus memperluas ekosistem perniagaan

Siaran Akhbar : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

SINGAPURA, Jumaat, 7 Jun. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Brunei Economic Development Board - BEDB) baru-baru ini mengajurkan Perbincangan Meja Bulat dengan membawakan tajuk, 'Looking Beyond towards a Sustainable Economy' yang diadakan di Royal Plaza on Scotts Hotel, Singapura.

Perbincangan tersebut dihadiri oleh pegawai-pegawai eksekutif dan pemimpin syarikat jemputan, termasuk firma multinasional yang berpangkalan di Singapura, serta wakil dari pelbagai persatuan perdagangan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang juga selaku Pengurus BEDB.

Dalam ucap tamanya, Yang Berhormat menjemput para peserta untuk mempertimbangkan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai destinasi seterusnya untuk perniagaan dan pelaburan di Asia Tenggara, dengan memanfaatkan antara lain kestabilan politik negara, lokasi strategik di Asia Tenggara, menambah baik ekosistem perniagaan, ketersambungan pengangkutan dan akses keutamaan kepada pasaran di Borneo, rantau BIMP-EAGA dan peringkat global.

>> Muka 13

Hari Raya Aidiladha pada 17 Jun

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Jun. - Pada menunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman

selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 Zulhijah 1445 Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam jatuh pada Sabtu, 8 Jun 2024 Masihi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama memaklumkan perkara tersebut sebaik sahaja selesai persidangan mengenai hasil meruayah anak bulan Zulhijah 1445 Hijrah.

>> Muka 8

Timba ilmu ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan negara

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

LONDON, UNITED KINGDOM, Khamis, 6 Jun. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menekankan akan kepentingan bagi penuntut-penuntut yang menjalani latihan di luar negeri untuk sentiasa berkomunikasi dan memaklumkan pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan mengenai perancangan dan status latihan bagi memudah cara pemantauan, pengawalseliaan dan perancangan jawatan serta bagi penuntut-penuntut mendapatkan nasihat dan panduan. Dalam pada itu, penuntut-penuntut

disyorkan untuk mengambil peluang membuat latihan dalam bidang-bidang yang diperlukan yang akan menyumbangkan kepada kepentingan dan peningkatan kualiti perkhidmatan kesihatan negara.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengongsikan perkara tersebut semasa menghadiri satu sesi perjumpaan ramah mesra dan dialog bersama penuntut-penuntut bidang perubatan, pergigian dan Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professional) serta doktor-doktor yang mengikuti latihan kepakaran di United Kingdom dan Ireland.

>> Muka 11



Berita Utama



9 resolusi dibentangkan pada Majlis Penangguhan KAIB XV

Muka 9



HUBUNGAN NBD, Persekutuan Rusia terus diperkuatkan

Muka 10



EKSPEDISI memperlihatkan kekayaan khazanah hutan negara

Muka 11



PAMERAN lukisan ketengahan kiasan masa silam, sekarang

Muka 25



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024.

Perama, kaola, saya sukacita menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap sokongan Jawatankuasa Kebangsaan bagi pelantikan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Jabatan Adat Istiadat Negara; dan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan selaku Penasihat-penasihat kepada Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang Ke-78 Tahun. Alhamdulillah, kita dapat mengambil sukat kewibawaan kurnia sabda nasihat Yang Amat Mulia dan nasihat Yang Berhormat Pehin

Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil

Komitmen padu, tinggi, lambang cinta rakyat kepada raja

Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasabihee Ajma'een, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir ke Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024.

Perama, kaola, saya sukacita menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap sokongan Jawatankuasa Kebangsaan bagi pelantikan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Jabatan Adat Istiadat Negara; dan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan selaku Penasihat-penasihat kepada Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang Ke-78 Tahun. Alhamdulillah, kita dapat mengambil sukat kewibawaan kurnia sabda nasihat Yang Amat Mulia dan nasihat Yang Berhormat Pehin

Mufti sebagai panduan yang akan diberikan dalam jawatankuasa ini.

Dalam kesempatan ini, perama, kaola, saya juga ingin menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia titah perkenan baginda terhadap beberapa perkara seperti berikut :

- Bagi atur cara Majlis Kesukuran yang akan diadakan pada 14 Julai 2024 untuk dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat dan diakhiri dengan Doa Kesukuran khusus di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong; Walau bagaimanapun, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara adalah masih dikekalkan dengan atur cara sebagaimana yang diaturkan iaitu bagi Majlis Kesukuran, Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah untuk diteruskan dengan Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesukuran.

- Bagi Majlis Ramah Mesra di Daerah Belait untuk diubah kepada Selasa, 30 Julai 2024.

- Bagi penuntut-penuntut sekolah untuk mengibar bendera kecil sewaktu keberangkatan tiba dan balik baginda semasa Istiadat Barisan Kehormatan yang akan diadakan pada 15 Julai 2024 memandangkan tempoh Istiadat Barisan Kehormatan adalah tidak memakan masa yang lama.

- Bagi permohonan Ahli Persatuan Warga Emas untuk ikut serta dalam Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi hanya akan dilibatkan pada Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang akan

datang sahaja dengan memasukkannya ke dalam kategori lelaki dan perempuan dewasa.

- Bagi acara Riadah Berbasikal Keputeraan 2024 untuk diadakan pada Ahad, 29 Muharam 1446 bersamaan 4 Ogos 2024 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, dalam mana atur cara mengenainya akan disembahyang ke hadapan majlis baginda oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan;

- Di mana acara Riadah Berbasikal Keputeraan 2024 juga akan diselitkan Perlawanan Terakhir Tarik Kalat Peringkat Se-Borneo Kategori Heavyweight iaitu berat badan terkumpul 680 kilogram (kg) bagi merebut Piala Pusingan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Peringkat Kebangsaan Kategori Remaja iaitu di bawah umur 19 tahun dan berat badan terkumpul 500kg ke bawah bagi merebut Piala Pusingan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di hadapan majlis baginda dan kerabat diraja semasa acara itu nanti.

- Bagi Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama untuk hadir selaku tetamu kehormat Upacara Pengibaran Bendera di Peringkat Daerah Brunei dan Muara.

- Bagi pengendalian Majlis Ilmu sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda akan disembahyang oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II setelah perancangan mengenainya selesai disediakan.

>> Muka 10

WAKTU SEMBAHYANG

8 JUN 2024

SIDANG PENGARANG

Ilmu menerangi kehidupan manusia

ILMU adalah cahaya dan hidayah yang menerangi kehidupan manusia daripada kegelapan dan kejahilan. Tanpa ilmu pengetahuan, manusia akan hidup dalam kegelapan dan kejahilan. Tidak mampu membezakan antara yang benar atau yang batil dan semestinya tidak akan pernah maju tanpa adanya ilmu.

Pentingnya ilmu dalam kehidupan sehari-hari sudah tidak dapat dipertikaikan lagi. Sesungguhnya hukum menuntut ilmu adalah wajib dalam kehidupan seorang Muslim, kerana kunci bagi sebuah kejayaan untuk mencapai keselamatan, kesejahteraan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Dalam Islam, kita telah dituntut dan diamanahkan untuk menerapkan pengetahuan ilmu agama kepada anak-anak sedari kecil seperti kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Sudah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menjaga dan melaksanakan amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebaik-baiknya dengan memberikan pendidikan yang seimbang antara dunia dan ukhrawi sesempurna yang termampu. Dengan pendidikan ilmu inilah yang akan membantu untuk membentuk dan menetapkan jati diri anak-anak tersebut untuk menjadi Muslim sebenar yang sejati.

Al-Quran merupakan sumber petunjuk manusia yang membawa kebenaran dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh sebab itu, Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan manusia agar sentiasa berpegang teguh dengan Al-Quran sepertimana dalam Surah al-Isra' ayat 9, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang mafhumnya:

"Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan soleh bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar".

Sepertimana semasa pembentangan Kertas Perdana Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned pada Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo yang menyentuh mengenai kanak-kanak di bumi Palestin yang disalurkan ke dalam khemah-khemah dan institusi-institusi untuk belajar membaca dan menghafaz 30 Juzuk Al-Quran untuk mengambil berkat dari Al-Quran kerana mereka tahu Al-Quran adalah sumber kekuatan luar biasa, di mana siapa yang membacanya akan mendapat bekalan kekuatan dalam dan keberanian untuk menghadapi musuh.

Seseorang yang tidak diisi hati dan dadanya dengan ayat-ayat Al-Quran sama ada tidak membaca atau mengamalkannya adalah diibaratkan seperti sebuah rumah kosong, tidak berharga dan buruk yang akan roboh bila-bila masa sahaja.

Para belia yang menjadikan Al-Quran sebagai sumber ilmu dalam kehidupan sehari-hari sudah pasti akan mengecap rasa jiwa yang tenang dan damai, iman yang teguh dan lebih sempurna, cemerlang serta dijamin berjaya dunia dan akhirat.

- Ketua Penyuntingan (Ad)

WAKTU SEMBAHYANG											
JUN	MASIH	HARI	ZULHIJAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	SABTU	1	4 . 33	4 . 43	6 . 07	6 . 32	12 . 20	3 . 46	6 . 31	7 . 47	
9	AHAD	2	4 . 33	4 . 43	6 . 08	6 . 32	12 . 21	3 . 46	6 . 31	7 . 47	
10	ISNIN	3	4 . 33	4 . 43	6 . 08	6 . 32	12 . 21	3 . 47	6 . 32	7 . 47	
11	SELASA	4	4 . 33	4 . 43	6 . 08	6 . 32	12 . 21	3 . 47	6 . 32	7 . 48	
12	RABU	5	4 . 33	4 . 43	6 . 08	6 . 32	12 . 21	3 . 47	6 . 32	7 . 48	
13	KHAMIS	6	4 . 33	4 . 43	6 . 08	6 . 32	12 . 21	3 . 47	6 . 32	7 . 48	
14	JUMAAT	7	4 . 34	4 . 44	6 . 08	6 . 33	12 . 22	3 . 48	6 . 33	7 . 49	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU		AHAD			ISNIN		
Bandar Seri Begawan							
34	25 °C	34	27 °C	34	27 °C	34	27 °C
25 °C		27 °C		27 °C		27 °C	
Pekan Bangar							
34	25 °C	33	25 °C	33	25 °C	33	25 °C
25 °C		25 °C		25 °C		25 °C	
Pekan Tutong							
33	26 °C	33	26 °C	32	26 °C	32	26 °C
26 °C		26 °C		26 °C		26 °C	
Kuala Belait							
33	25 °C	32	25 °C	32	25 °C	32	25 °C
25 °C		25 °C		25 °C		25 °C	
Wallahualam Bissawab							
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi							

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردن منtri دان چیتیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Pembangunan perbandaran Islam seimbang lahiriah, rohaniah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Tema tersebut, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melihat pembangunan perbandaran Islam itu sifatnya adalah menyeluruh, tidak hanya berupa pembangunan material atau fizikal tetapi menekankan kemajuan yang seimbang lahiriah dan rohaniah.

"Pembangunan yang hanya mementingkan kemajuan fizikal semata-mata tidak akan bertahan lama. Demikian itulah ketentuan sejarah, bagaimana kerajaan-kerajaan besar zaman silam runtuhan kerana kemajuan yang dibangun tidak berpaksikan nilai-nilai rabbani yang kukuh.

"Lalu peradaban yang dibina sekian lama itu pun roboh, hanya tinggal menjadi ristaan sahaja,"

titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Perasmian KAIB XV yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Berdasarkan ketentuan dan pengalaman pahit inilah titah baginda, kita tidak muhah memiliki perbandaran yang hanya dibangun dengan benda yang cepat malap dan luntur, sebaliknya yang kita muhah ialah perbandaran Islam yang dibangun dengan nilai-nilai seimbang, benda dan rohani.

Terdahulu baginda bertitah, kepulauan Borneo dimaklumi mengalami perkembangan pesat, seiring dengan kemajuan pusat-pusat ilmu yang mencorak masyarakat bertamadun.

"Islam di Borneo merupakan pegangan atau anutan majoriti rakyat dan penduduknya. Oleh



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV).

itu, beta gembira mengetahui, bahawa persidangan seumpama ini, yang telah bertapak melebihi satu dekad, masih saja meneruskan wacana intelektualnya sehingga ke hari

ini. Tidak syak lagi sumbangan para ilmuwan dalam persidangan seumpama ini adalah merupakan tonggak kemajuan ummah," titah baginda.

Baginda juga turut melahirkan

rasa syukur hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang melimpahkan rahmat-Nya sehingga dapat sama-sama menghadiri Majlis Perasmian KAIB XV pada pagi itu.

PENUBUHAN SEBUAH PUSAT DALAM MEMELIHARA, MELESTARIKAN MANUSKRIPT

BERAKAS, Rabu, 5 Jun. - Kepulauan Borneo yang kaya dengan sumber alam, mesti kaya juga dengan sumber rohani, maka barulah kita akan dapat masyarakat berdaya tahan dan kuat untuk mendepani segala cabaran dan asakan zaman.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertitah menyarankan supaya institusi pengajian tinggi Borneo dapat memainkan peranan untuk

benar-benar menjadi lubuk ilmu yang bukan sahaja menawarkan program untuk memenuhi tuntutan semasa tetapi juga mendidik dan mencorak anak bangsa menjadi insan seimbang.

"Dalam kita membincangkan pembinaan tamadun, khasnya tamadun masyarakat Islam di alam Melayu, maka kita janganlah lupa mengenai khazanah ilmu dalam bentuk pelbagai manuskrip ataupun kitab-kitab lama tulisan ulama silam," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Perasmian Konferensi

Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Di sini, baginda menjelaskan melihat adanya keperluan bagi penubuhan sebuah pusat yang bertanggungjawab memelihara dan melestarikan manuskrip di mana pusat itu nanti akan jadi sumber kajian berkaitan ugama, identiti, asal-usul, sejarah, tradisi dan legasi masyarakat rantau ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, melaluiinya aktiviti kajian dan penyelidikan manuskrip dapat diaktifkan. Hal

ini mustahak kerana manuskrip adalah warisan atau khazanah yang menyimpan banyak ilmu serta pengetahuan yang bernilai.

"Penerokaan terhadap karya ilmuwan klasik ini akan mampu memberi kesedaran atau kefahaman kepada generasi hari ini mengenai sejarah bangsa hari ini mengenai sejarah bangsa dan negara untuk merangka kemajuan masa depan yang progresif dan menyeluruh," titah baginda.

Baginda juga berharap, manuskrip-manuskrip berharga ini akan dapat diakses dengan mudah dengan menggunakan teknologi digital di mana dokumentari dalam bentuk digital ini nanti juga akan

dapat mempercepatkan dan memperluas lagi sebaran manuskrip milik kita di kepulauan ini ke merata pelosok dunia.

Bagi mengakhiri titah, baginda tidak lupa mengucapkan selamat datang kepada para delegasi dari luar ke Negara Brunei Darussalam dan mengucapkan selamat bersidang serta mendoakan majlis-majlis ilmu seperti ini akan memartabatkan lagi kedudukan Islam Borneo sekali gus di rantau Asia Tenggara.

"Kerukunan dan semangat persaudaraan yang terjalin kukuh akan menjadikan kita lebih bersatu untuk membangun masyarakat dan perbandaran Islam yang mampan," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM berkenan rasmikan KAIB XV



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini berkenan berangkat bagi merasmikan pembukaan Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah,



Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.

>> Muka 3

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu KAIB XV.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan doa yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan daripada Rektor UNISSA yang antara lain menyentuh mengenai objektif penganjuran KAIB XV yang bertujuan untuk mengumpulkan bahan atau karya

ilmiah yang berkaitan dengan memperkasakan ummah yang unggul bertunjang ilmu dan amal untuk menjadi rujukan pada masa hadapan; menyediakan wadah diskusi tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan dakwah Islamiah serta isu-isu lain yang berkaitan dengan Islam di Borneo; dan mengumpulkan hasil tulisan yang berkaitan dengan manuscrip nusantara khususnya kepulauan Borneo.

Kebawah Duli Yang Maha

Mulia kemudian berkenan mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan Perasmian KAIB XV.

Majlis diteruskan dengan pembentangan Kertas Perdana yang mengupas tema konferensi disampaikan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM berserta paduka-paduka anakanda baginda dijunjung berangkat bagi menyaksikan pameran

yang mempamerkan poster-poster penyelidikan yang relevan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Pameran ini disertai oleh wakil-wakil dari universiti-universiti kepulauan Borneo termasuk UNISSA. Pameran juga mengongsikan penyelidikan dalam bidang halal, pertanian, perikanan dan teknologi.

Semua penyelidikan ini mempunyai elemen inovasi yang mampu memberikan kemudahan kepada orang ramai dalam menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kemiskinan, ketidaksamaan sosial, pencemaran alam sekitar dan akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang terhad.

Tema KAIB XV iaitu 'Membangun Masyarakat dan Perbandaran Islam yang Mampan' sangat relevan dan penting dalam konteks kehidupan umat Islam pada zaman moden hari ini.

Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan pembangunan mampan, yang tidak hanya mempertimbangkan aspek fizikal dan ekonomi tetapi juga nilai-nilai rohani dan etika Islam seiring dengan Wawasan Brunei 2035 di samping pelaksanaan SDG Kebangsaan.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan (atas kiri), manakala gambar atas kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Rektor UNISSA. Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



SEKITAR majlis yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri dan atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 4

KAIB XV akan berlangsung selama dua hari bermula

hari ini merupakan anjuran UNISSA dengan kerjasama 10 buah universiti di kepulauan Borneo.

Di samping itu, KAIB kali ini turut bekerjasama dengan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei

Darussalam dan Konsortium Universiti Universitas Borneo (KUUB). KAIB XV ini juga diadakan bersempena dengan Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2024 (Brunei MYCE 2024).

Dengan adanya KAIB XV ini diharapkan dapat mengumpulkan hasil tulisan yang berkaitan dengan SDG melalui 17 sub-tema perbincangan di antara tajuk-tajuk berkaitan dengan Kelapanan Sifar (SDG 2), Pendidikan Berkualiti (SDG 4) dan Pertubuhan Ekonomi (SDG 8).

Selain itu, sebuah Kertas Perdana, lapan Kertas Ucaptama serta sebanyak 246 Kertas Kerja dibentangkan sepanjang dua hari konferensi bersidang.



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Majlis Perasmian KAIB XV yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas, atas kanan dan kanan).



KAIB XV JADI SUMBER INSPIRASI PEMBANGUNAN UMMAH LEBIH KOMPREHENSIF

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama-sama dengan institusi pengajian tinggi yang lain di kepulauan Borneo bersepakat untuk menyediakan ruang bagi pertukaran pendapat dan platform bagi diskusi akademik di antara peserta konferensi, melalui sesi pembentangan dan forum akademik.

Seumia ini adalah elemen penting dalam memperkaya pengalaman para peserta serta memupuk idea-idea inovatif dalam membangun masyarakat dan perbandaran Islam yang mampan.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal selaku Pengurusi Jawatankuasa Pandu Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) dalam sembah alu-aluannya menekankan demikian pada Pembukaan KAIB XV yang

diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh itu, beliau berharap konferensi tersebut dapat menjadi sumber inspirasi yang besar dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ummah yang lebih komprehensif.

Malah katanya, KAIB XV ini diharap dapat memberi dorongan kepada pelbagai pihak untuk turut serta dalam usaha membangun masyarakat dan perbandaran Islam yang mampan yang melibatkan semua lapisan masyarakat, dari ahli akademik hingga pengamal, dari pelajar hingga tokoh masyarakat kerana di sinilah kunci keberhasilan dalam merintis jalan menuju kemajuan ummah.

Menurutnya, melalui pertukaran idea dan pengalaman dalam KAIB XV ini juga, diharapkan akan tercipta sinergi ilmu dan idea di antara pelbagai

pihak untuk bekerja bersama dalam merealisasikan matlamat pembangunan mampan.

"Sesungguhnya Islam percaya bahawa ketamadunan itu perlu dibangunkan bersama-sama dalam kedua-dua aspek material dan juga insani. Dari segi material, perbandaran moden dilengkapi dengan infrastruktur dan teknologi moden. Dari segi insannya pula, masyarakat Islam perlu dibentuk bersama dengan akhlak yang luhur ikhlas, bersikap amanah dan jujur dalam pekerjaan, berdisiplin, berdedikasi, dan bertakwa," tegasnya.

Terdahulu itu, Dr. Haji Norarfani dalam sembah alu-aluannya menjelaskan, KAIB mula dianjurkan pada tahun 2008 di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak, Malaysia.

Sejak itu, tambahnya, KAIB dianjurkan secara bergilir-gilir di kepulauan Borneo dan Negara Brunei Darussalam melalui UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) setakat ini telah

menganjurkan sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 2012, 2015 dan 2019.

"KAIB pada kali ini sekali lagi bertandang ke Negara Brunei Darussalam melalui UNISSA sebagai peneraju utama dengan kerjasama beberapa buah institusi pengajian tinggi di kepulauan Borneo seperti KUPU SB; UiTM, Sarawak; UiTM, Sabah; Universitas Mulawarman Samarinda, Kalimantan Timur; Institut Agama Islam Negeri Pontianak, Kalimantan Barat; Universitas Tanjungpura, Pontianak; Universitas Palangkaraya, Kalimantan Tengah Indonesia; Universitas Islam Negeri Sultan Aji Muhammad Idris, Samarinda, Kalimantan Timur; Universitas Islam Negeri Antasari Banjarmasin, Kalimantan Selatan Indonesia; Universitas Lambung Mangkurat Banjarmasin, Kalimantan Selatan Indonesia," ujarnya lagi.

Menyentuh mengenai tema bagi KAIB XV ini, Rektor UNISSA menjelaskan, temanya

ialah 'Membangun Masyarakat dan Perbandaran Islam yang Mampan' yang membawaerti pembangunan yang akan menyediakan rangka kerja untuk mencapai keseimbangan di antara pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar.

Jelasnya lagi, ia menunjukkan bahawa kemajuan ekonomi harus diteruskan dengan cara yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjelaskan keupayaan generasi akan datang dalam memenuhi keperluan mereka sendiri.



REKTOR UNISSA dalam sembah alu-aluannya.

PAMERAN FOKUSKAN PENYELIDIKAN INOVATIF, RELEVAN DENGAN SDG



Oleh : Nooratin Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat menyaksikan pameran yang memperkenalkan poster-poster penyelidikan yang relevan dengan Matlamat Pembangunan Mampu (SDG).

Pameran bersempena Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) itu,

diadakan di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama menyaksikan pameran berkenaan ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pameran tersebut disertai oleh wakil-wakil dari universiti-universiti kepulauan Borneo termasuk UNISSA; Pusat Sejarah Brunei; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak, Malaysia; UiTM, Sabah; Universitas Mulawarman Samarinda, Kalimantan Timur; Universitas Tanjungpura, Pontianak dan Universitas Islam Negeri Antasari Banjarmasin, Kalimantan Selatan Indonesia Timur.

Selain itu, pameran juga mengongsikan penyelidikan dalam bidang halal, pertanian, perikanan dan teknologi.

Sebuah penyelidikan ini

mempunyai elemen inovasi yang mampu memberikan kemudahan kepada orang ramai dalam menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kemiskinan, ketidaksamaan sosial, pencemaran alam sekitar dan akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang terhad.

Dalam pameran ini, Pusat Sejarah Brunei mengetengahkan pameran mengenai perkembangan Bandar Brunei sebagai perbandaran Islam dalam SDG 11 : Komuniti dan bandar yang lestari.

Menurut catatan sejarah, Bandar Brunei mula dibentuk sebaik sahaja kesultanan Brunei ditubuhkan. Bermula

dari Garang, Kota Batu dan Kampong Ayer, Bandar Brunei mengalami perpindahan dan perubahan mengikut waktu dan keadaan yang berlaku dari semasa ke semasa dalam setiap fasa pemerintahan Sultan-sultan Brunei.

Istana yang menjadi pusat bagi Bandar Brunei bukan sahaja berperanan sebagai pusat pentadbiran dalam mengawal hal ehwal urusan pentadbiran negara, malah juga berperanan dalam menyelenggarakan aktiviti perdagangan dan penyebaran agama Islam yang akhirnya menyumbang kepada pengukuhan Bandar Brunei pada ketika itu.

>> Muka 7



PADUKA anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA berkenan mendengarkan sembah penerangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan berbual mesra bersama para peserta yang menyertai pameran (atas dan atas kiri).

BERANGKAT sama menyaksikan pameran berkenaan ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 6

Seterusnya, KUPU SB memperlihatkan pameran mengenai Dinamika Perguruan Ugama yang Holistik ke arah Pembangunan Modal Insan dan Kebolehpasaran Pelajar KUPU SB.

Ia juga mengetengahkan inti pati serta keberkesanan kurikulum dan kokurikulum KUPU SB demi mencapai matlamat pendidikan berkualiti yang berhasrat, sesuai dengan

perkembangan dunia sangat termasuklah mekanisme Artificial Intelligence (AI).

Sementara itu, UiTM Sabah, dalam Pameran Projek Komuniti : Freshwater Lobster Productions-Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) iaitu ToCoDeS Legacy telah mengusahakan satu projek mega iaitu Freshwater Lobster Production-Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS), geran komuniti di bawah Teraju

yang bernilai RM3.5 juta untuk tempoh masa lima tahun yang bermula pada Februari 2020 dan kini berada pada fasa akhir pelaksanaan.

Kemudian, IAIN Pontianak (Kalimantan Barat) bagi Kajian Kebudayaan Borneo: Penerangan Tema Hasil Riset dan Penelitian Kebudayaan Islam dan Borneo telah mempamerkan mengenai akses yang lebih meluas kepada perkhidmatan kewangan adalah kunci untuk pertumbuhan

ekonomi yang inklusif. Teknologi kewangan memainkan peranan penting dalam meningkatkan aksesibiliti dan kecepatan dalam perkhidmatan kewangan.

Peningkatan minat terhadap produk dan perkhidmatan kewangan yang selaras dengan prinsip-prinsip syariah.

Fenomena Fintech Syariah menawarkan alternatif menarik bagi pengguna Muslim yang mencari pilihan sesuai dengan nilai-nilai mereka.

Manakala UNISSA pula masing-masing mengetengahkan dalam SDG 8 : Pertubuhan ekonomi, SDG 3: Kesihatan dan

kesejahteraan yang baik dan SDG 11: Komuniti dan bandar yang lestari.

Salah satunya ialah bagi SDG 8 : Pertubuhan ekonomi menunjukkan mengenai aplikasi mudah alih dalam pembangunan.

Di sini menerangkan mengenai cara melakukan wakaf melalui aplikasi mudah alih untuk memudahkan sumbangan wakaf tunai yang cepat dan mudah.

Ia juga untuk meningkatkan kesedaran projek wakaf iaitu dengan menganalisis perkara yang menarik orang ramai ingin menggunakan aplikasi wakaf dalam talian dan lain-lain lagi.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda menyaksikan pameran bersempena KAIB XV yang diadakan di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri, atas, bawah kiri dan bawah kanan).



HARI RAYA AIDILADHA PADA 17 JUN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Keagamaan di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas). Sementara gambar atas kanan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa hadir pada persidangan mengenai hasil meruayah anak bulan Zulhijah 1445 Hijrah.



untuk menuanakan Sembahyang Hari Raya Aidiladha pada hari tersebut serta bertakbir dan melakukan ibadah korban sehingga hari-hari tasyrik berikutnya.

Terdahulu, satu Majlis Keagamaan telah diadakan sementara menunggu hasil rukyah 1 Zulhijah 1445 Hijrah bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh johan Ujian Kelayakan ke Peringkat Lanjutan, Skim Tilawah Al-Quran Remaja Brunei Muara, Awangku Luqman Amri AlHakeem bin Pengiran Asmali@Pengiran Ali Shafie dan diteruskan dengan tazkirah mengenai isu meruayah dari segi syarak dan undang-undang yang disampaikan oleh Ketua Program Pasca Siswazah yang juga Madya Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Profesor Madya Dr. Ibnor Azli bin Ibrahim.

ia diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam, Awang Abdul Muhammin bin Dr. Haji Serbini yang juga mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Manakala Azan Maghrib

dikumandangkan oleh Bilal Tingkat II, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Awang Abdul Hafiq Fakhri bin Haji Affendi Buang. Pada tahun ini, lima buah lokasi telah ditetapkan untuk meruayah anak bulan Zulhijah 1445 Hijrah.

Di Daerah Brunei dan Muara adalah di Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebuhraya Tunku dan Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara serta Bukit Agok, Jerudong telah digunakan sebagai tempat meruayah anak bulan Zulhijah.

Manakala di Daerah Tutong pula ialah di Bangunan Hilal Bukit Ambog, sementara Bangunan Hilal Bukit Lumut digunakan bagi Daerah Belait.

Hadir di Menara DST tersebut, Pemangku Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar. Juga hadir, pegawai-pegawai dari Mahkamah-mahkamah Syariah, Kehakiman Negara dan JPM serta pegawai dan kakitangan dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan.

Pengumuman mengenai hasil meruayah anak bulan Zulhijah turut disiarkan ke seluruh negara melalui Radio Televisyen Brunei.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Persidangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Juga hadir pada persidangan

tersebut, Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Mufti Keraaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain@Madin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Ugama Islam Brunei.

Hakim-hakim Syarie dan

pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, JPM bersama pegawai-pegawai dari KHEU, pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dan, pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan, JPM berada di lima lokasi yang telah ditetapkan untuk meruayah (melihat anak bulan Zulhijah 1445 Hijrah).

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyambut Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1445 Hijrah pada Isnin, 17 Jun 2024 Masihi. Oleh yang demikian, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha akan bermula pada jam 7.30 pagi.

Umat Islam adalah disunatkan



MAJLIS Keagamaan telah diadakan sementara menunggu hasil rukyah 1 Zulhijah 1445 Hijrah (atas dan bawah). Manakala gambar kanan dan bawah kanan, antara yang hadir bagi meruayah anak bulan Zulhijah.



9 RESOLUSI DIBENTANGKAN PADA MAJLIS PENANGGUHAN KAIB XV



BRUNEI 2024
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION

BERAKAS, Khamis, 6 Jun. - Sembilan resolusi Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) dibentangkan petang tadi menandakan berakhirnya KAIB XV yang telah berlangsung selama dua hari.

Majlis Penangguhan KAIB XV berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Penolong Rektor (Akademik), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku Pengurus KAIB XV yang menyentuh mengenai keistimewaan KAIB XV kali ini dengan adanya penyampaian Kertas Perdana oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, bertajuk 'Membangun Masyarakat

Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15, 11 hingga 12 Jun ini

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Jun. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Ke-15 yang akan diadakan pada 11 hingga 12 Jun 2024 bertempat di The Empire Brunei.

Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 akan disempurnakan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 ini akan dihadiri oleh delegasi dari Negara-negara Anggota AIPA, di mana agenda utama akan membincangkan status pelaksanaan resolusi yang telah diluluskan semasa Perhimpunan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penangguhan Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV).

dan Perbandaran Islam Yang Mampan' dan ia merupakan Kertas Kerja yang cukup komprehensif dan dinamik bertepatan dengan tema konferensi pada tahun ini.

Selain itu, Profesor Madya Dr. Siti Sara juga menyentuh mengenai penyampaian ucaptama daripada lapan tokoh ilmuwan yang dijemput yang telah memeriahkan konferensi KAIB XV.

Sebelum mengakhiri ucapannya, Profesor Madya Dr. Siti Sara memaklumkan bahawa untuk KAIB XVI yang akan diadakan pada 2025, tuan rumah ialah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia.

Acara diteruskan dengan pembentangan sembilan resolusi KAIB XV oleh Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), UNISSA, Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha selaku Timbalan Pengurus KAIB XV.

Resolusi pertama ialah untuk menubuhkan pusat kajian dan pelestarian manuskrip Islam yang bertanggungjawab memelihara dan melestarikan manuskrip sebagai sumber kajian berkaitan ugama, identiti, asal-usul, sejarah tradisi dan legasi masyarakat rantau ini, sementara kedua ialah menyokong usaha untuk mentakrif semula dan menyesuaikan 17 SDGs sedia ada melalui nilai-nilai Islam, memastikan ia mencerminkan kepercayaan, budaya, dan keperluan komuniti ini berdasarkan Maqasid Al-Shari'ah.

Manakala, ketiga ialah untuk memastikan perancangan dan pembangunan strategik Ummah dalam bidang utama, seperti ekonomi, pendidikan, dakwah,

undang-undang, pengurusan masjid, dan pembangunan sosiobudaya; keempat, menubuhkan kerangka kerja secara kolaborasi untuk institusi zakat dan wakaf di seluruh Borneo bagi meningkatkan kualiti pengurusan zakat dan wakaf dalam usaha pengurangan kemiskinan.

Sementara itu resolusi kelima, mengukuhkan sinergi antara pemimpin, tokoh-tokoh agama dan komuniti untuk memajukan prinsip Islam wasatiyyah yang akan menyumbang kepada kestabilan serantau dan keamanan global; keenam ialah menggalakkan universiti untuk memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan seimbang yang berilmu, beriman, bertakwa, berakhlik mulia serta berkemahiran dalam pelbagai bidang.

Manakala ketujuh ialah menyokong inisiatif seperti model Quintuple Helix-5 (*relation, reduction, reform, return, resilience*) yang mengintegrasikan perspektif universiti, industri, kerajaan, komuniti dan ekologi untuk memajukan pendidikan dan pembangunan mamparn.

Resolusi kelapan pula, memartabatkan amalan perbandaran beretika yang meneckankan keadilan, kesaksamaan, kebijaksanaan dan kebajikan; sementara yang terakhir, menangani cabaran yang berkaitan dengan konteks budaya, struktur tadbir urus, dan dinamik sosioekonomi, menyesuaikan

RESOLUSI KAIB XV diserahkan oleh Rektor UNISSA selaku Pengurus Jawatankuasa Pandu KAIB XV kepada Rektor Institut Agama Islam Negeri Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, Profesor Dr. Haji Syarif S.AG. MA. (atas kanan), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

strategi kepada realiti tempatan.

Selesai pembentangan resolusi, tetamu kehormat majlis dijemput untuk menyampaikan ucapan penangguhan KAIB XV diikuti dengan penyerahan resolusi KAIB XV.

Resolusi KAIB XV diserahkan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Pengurus Jawatankuasa Pandu KAIB XV kepada Rektor Institut

Agama Islam Negeri Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, Profesor Dr. Haji Syarif S.AG. MA.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri dan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; tetamu-tetamu khas; pegawai utama UNISSA dan para peserta persidangan.

الرحمن الرحيم



Agung AIPA Ke-44 di Jakarta, Indonesia pada tahun lalu.

Kepentingan pelaksanaan resolusi ini adalah untuk memastikan bahawa keputusan dan cadangan yang telah dipersetujui dapat diterjemahkan kepada tindakan konkret, yang memberi manfaat kepada semua Negara Anggota ASEAN.

Para ahli parlimen memainkan peranan penting dalam bekerjasama rapat dengan Kerajaan masing-masing ke arah merealisasikan matlamat yang telah dipersetujui bersama. Ahli parlimen juga berperanan membantu dalam pemantauan pelaksanaan dasar-dasar yang diluluskan dan merupakan penghubung utama antara rakyat dan kerajaan.

Sebagai tuan rumah kepada Mesyuarat AIPA CAUCUS

Ke-15, Negara Brunei Darussalam (NBD) juga akan menumpukan perhatian kepada topik tematik iaitu 'Strengthening ASEAN Cyber Resilience through Parliamentary Cooperation : Towards a Future of Safe and Vibrant Digital Economy'.

Dalam menyokong ekonomi digital, keselamatan siber adalah penting dalam memastikan keselamatan data dan infrastruktur daripada ancaman siber. Selaras dengan tema ini, Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 bertujuan untuk menyokong komitmen ASEAN dalam mengembangkan ekonomi digital di seluruh rantau menjelang 2025 serta menyokong pembangunan ASEAN Digital Economy Framework Agreement (DEFA).

Seperti yang digariskan dalam Bandar Seri Begawan Roadmap

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

(BSBR), ASEANDEF menyediakan peta jalan komprehensif dalam memperkasa perniagaan dan pihak berkepentingan di rantau ASEAN melalui pertumbuhan perdagangan, peningkatan interoperabiliti, persekitaran dalam talian yang selamat dan penyertaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (MSME) dengan memastikan keselamatan siber.

Pertumbuhan AIPA telah mencapai usia 47 tahun sejak penubuhannya pada tahun 1977 yang sebelumnya dikenali sebagai Pertubuhan Parlimen ASEAN (APIO). Pertubuhan ini telah dinaik taraf menjadi AIPA pada tahun 2006.

NBD menjadi ahli penuh pada tahun 2009 dan telah menjadi tuan rumah kepada Perhimpunan Agung pada tahun 2013 dan 2021 serta Mesyuarat AIPA CAUCUS buat pertama kalinya pada tahun 2014. Isu-isu yang dibincangkan dalam

AIPA memfokuskan kepada bidang politik, ekonomi, sosial, wanita, dan belia.

Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 ini akan dipengerusikan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

NBD juga akan diwakili oleh delegasi NBD yang terdiri oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman; Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin yang turut membentangkan kertas kerja bagi tema topik serta status pelaksanaan negara berkenaan resolusi-resolusi yang telah diluluskan semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-44.

HUBUNGAN NBD, PERSEKUTUAN RUSIA TERUS DIPERKUKUHKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir selaku wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi berkenaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi

GADONG, Jumaat, 7 Jun. - Kedutaan Persekutuan Rusia di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Resepsi bagi meraikan Hari Rusia sempena Hari Kebangsaan negara berkenaan di

Hotel Antarabangsa Rizqun, baru-baru ini.

Hadir selaku wakil kerajaan NBD, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Dato

Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan Lagu Kebangsaan Persekutuan Rusia.

Dalam ucapannya, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke NBD, Tuan Yang Terutama Mikhail Vladimirovich Baranov antara lain menjelaskan mengenai sumbangan yang ketara rakyat Rusia terhadap pembangunan sains moden, budaya dan sastera.

Tuan Yang Terutama turut menekankan kepentingan dalam memperkuhuk hubungan mesra dan kerjasama antara Rusia dan NBD.

Tambah TYT, kedua-dua buah negara memperoleh banyak keuntungan melalui peningkatan kerjasama dalam pelbagai bidang, di samping memupuk kesefahaman dan saling menghormati.

Antara pengisian majlis ialah acara memotong kek sempena meraikan Hari Rusia dan tayangan video yang mengetengahkan



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam turut hadir pada Majlis Resepsi tersebut.

Doa Selamat bagi kontinjen IDB VMAT 6/2024 ke Mindanao, Filipina



MAJLIS Doa Selamat bagi pemergian tiga anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai Ahli Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team Ke-6 (IDB VMAT 6/2024) di Mindanao, Republik Filipina dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (atas dan kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji
Duraman

BERAKAS GARISON, Khamis, 6 Jun. - Majlis Doa Selamat bagi pemergian tiga anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai Ahli Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team

Ke-6 (IDB VMAT 6/2024) di Mindanao, Republik Filipina telah berlangsung di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison petang tadi.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, Pemangku Pengarah Asia / Timur Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri, Atase Pertahanan dan Angkatan Tentera Republik Filipina, pegawai-pegawai serta anggota-anggota Kementerian Pertahanan.

Kontinjen IDB VMAT 6/2024 yang diketuai oleh Letenan Kolonel (U)



Mohammad Khairul bin Pehin Datu Indera Setia Dato Paduka Seri Haji Sulaiman akan bertolak pada Isnin, 10 Jun 2024.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

HALUAN

>> Muka 2

- Sehubungan dengan itu, baginda juga telah mengurniakan titah mengambil maklum terhadap cadangan reka bentuk Vertical Banner, pintu-pintu gerbang di keempat-empat daerah dan telah mengurniakan titah tiada halangan terhadap cadangan-cadangan reka bentuk poster-poster induk, poster pengibaran bendera dan reka bentuk Buku Yaa Siin seperti mana yang telah disokong Jawatankuasa Kebangsaan dalam mesyuarat sebelum ini.

- Bagi reka bentuk Giant Banner dan Buku Takhtim yang telah mendapat kurnia titah perkenan baginda semasa Majlis Mengadap peramba, kaola, saya pada 15 Mei 2024 untuk dikongsikan dalam mesyuarat.

Di kesempatan ini, peramba, kaola, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, junjung kasih dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun atas usaha yang padu di mana ianya mencerminkan komitmen yang tinggi dalam menyemarakkan lagi Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan baginda sekali gus melambangkan rasa cinta yang tidak berbelah bahagi *kitani* sebagai rakyat yang bernaung di bawah payung Bumi Darussalam.

Beberapa tinjauan terhadap upacara-upacara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda seperti Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntutan-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara akan diadakan di keempat-empat daerah pada 6 Jun yang akan datang. Ini termasuklah tinjauan awal ke atas persembahan-persembahan khas padang di keempat-empat daerah juga akan dibuat sebagai langkah untuk memastikan kelancaran acara sebelum hari-hari kemuncak di setiap daerah.

Peramba, kaola, saya sekali lagi menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Amat Mulia - Yang Amat Mulia Pengiran, kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat Pehin, Yang Berhormat-Yang Berhormat Dato, Yang Berhormat Datin, Yang Mulia Pengiran Dato, Yang Mulia Dato-Dato, Yang Mulia Tuan-Tuan dan Puan-Puan ke mesyuarat pada pagi ini.

Disembahkan dan dikongsikan bahawa Yang Mulia Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) akan menyembahkan dan menyampaikan taklimat berkenaan dengan sembah penerangan persiapan terkini dari Urusetia Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 dengan persediaan-persediaan yang telah diaturpan oleh setiap Jawatankuasa Kerja yang dilantik.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

mengenai Rusia Moden.

Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan oleh ahli-ahli muzik tempatan yang mengalunkan karya-karya terkenal oleh para komposer dari Rusia.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan; Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta wakil-wakil diplomatik beberapa negara.

Sambutan Hari Rusia di negara ini melambangkan hubungan yang kukuh dan berkembang antara kedua-dua buah negara, serta menggariskan nilai bersama dan potensi kerjasama pada masa hadapan.

Majlis juga turut diselitkan dengan penyampaian tazkirah bertajuk 'Jihad dan Peringkatnya' yang disampaikan oleh Guru Ugama Jabatanarag Agama ABDB (JAMA'AT), Awang Muhammad Nur Amin bin Awang Haji Jali.

TIMBA ILMU KE ARAH MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN KESIHATAN NEGARA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Sesi yang diadakan secara *hybrid* (fizikal dan *online*) telah diadakan di Brunei Hall, Kota London dan telah diungkayahkan bersama oleh Kementerian Kesihatan, Unit Penuntut-penuntut (Brunei Student Unit) dan Brunei Medical Student Association.

Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kanan daripada Menteri Kesihatan juga telah mengongsikan mengenai visi dan hala tuju kementerian serta program-program kesihatan yang sedang

giat dan akan dijalankan termasuk kesihatan digital, MOH Intelligence Hub dan Biomedical Research and Ethics Unit.

Selain itu, penuntut-penuntut turut dimaklumkan mengenai peluang-peluang latihan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta kepakaran-kepakaran yang sangat diperlukan dalam perkhidmatan perubatan kesihatan.

Penuntut-penuntut juga dikongsikan mengenai proses-proses yang berkenaan dalam laluan pembentukan kerjaya di Kementerian Kesihatan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa penuntut-penuntut dan doktor-doktor pelatih (yang sedang dalam latihan) adalah aset negara dan berharap agar penuntut-penuntut akan kembali berkhidmat kepada negara dan bangsa setelah selesai menjalani pembelajaran dan latihan.

Mereka juga diingatkan untuk sentiasa mempraktikkan dan membudayakan konsep falsafah Melayu Islam Beraja dalam pengajian, latihan mahupun pekerjaan serta ditekankan juga kepentingan mempunyai

kommunikasi yang baik dan efektif kepada pesakit-pesakit yang dirawat dalam menyumbangkan khidmat bakti ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti demi meningkatkan tahap kesihatan dan sekali gus kesejahteraan rakyat dan penduduk serta masyarakat di NBD.

Antara tujuan sesi tersebut diadakan adalah untuk memberikan pendedahan mengenai keperluan-keperluan sistem penjagaan kesihatan di NBD serta memberikan peluang untuk berkongsi pengalaman dalam pengajian perubatan.

Semasa sesi tersebut, satu taklimat telah disampaikan oleh pegawai-pegawai kanan rombongan Kementerian Kesihatan dan diikuti dengan sesi soal jawab bersama Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai visi dan misi serta hala tuju dan strategi-strategi Kementerian Kesihatan dalam menuju ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Selain itu, taklimat juga telah mengongsikan statistik-statistik berkenaan dengan kerjaya kedoktoran dan pergigian termasuk jumlah graduan-graduan yang melaporkan diri ke Kementerian Kesihatan setiap tahun, bidang-bidang perkhidmatan klinikal (*clinical specialty services*) yang ditawarkan di Kementerian Kesihatan, hala tuju kerjaya dalam bidang kedoktoran, latihan-latihan yang ditawarkan di NBD termasuk



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menghadiri satu sesi perjumpaan ramah mesra dan dialog bersama penuntut-penuntut bidang perubatan, pergigian dan Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professional) serta doktor-doktor yang mengikuti latihan kepakaran di United Kingdom dan Ireland (atas dan bawah kiri).

Basic Specialty Training / Core Training, bidang-bidang kepakaran yang diperlukan, peluang-peluang dan tatacara proses meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya.

Turut hadir pada sesi tersebut ialah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi NBD ke United Kingdom, Dayang Noorfadilina binti Haji Awang Damit, dan Pengarah Pengajian Unit Penuntut-penuntut, Awang Mohammad Danny bin Aimi, serta beberapa pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan dan Unit Penuntut-penuntut di London.



Ekspedisi memperlihatkan kekayaan khazanah hutan negara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengadakan lawatan ke tapak berkenaan (atas dan kiri).

BRUNEI MYCE 2024
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION

TEMBURONG, Khamis, 6 Jun. - Ekspedisi Saintifik anjuran Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD), diadakan selama 11 hari yang mana para peserta telah memulakan perjalanan ke tapak

perkhemanan di kawasan Hutan Simpan Batu Apoi pada 30 Mei lalu dan akan berakhir pada 9 Jun ini.

Matlamat utama ekspedisi tersebut diadakan untuk memperlihatkan kekayaan khazanah hutan negara kita yang sebahagian besarnya masih dalam keadaan asli ke peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin telah mengadakan lawatan ke tapak berkenaan, pagi tadi.

Iikut serta semasa lawatan

tersebut, Diplomat-diplomat Asing yang menetap di negara ini iaitu Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Kim Soung-eun; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon; Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Puan Yang Terutama Ambra Dickie; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Luke Lazarus Arnold serta wakil-wakil daripada Kedutaan Jepun di NBD; Kedutaan Republik Filipina di NBD; Kedutaan Amerika Syarikat di NBD; Suruhanjaya Tinggi Malaysia di NBD.

Seramai 31 peserta yang terdiri dari 10 pasukan pengkaji yang mewakili institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa seperti UBD, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Nanyang Technological University, Singapura; dan Royal Botanic Garden Edinburgh, United Kingdom menyertai ekspedisi berkenaan.

Ekspedisi Saintifik ini juga melibatkan beberapa projek kajian dari pelbagai disiplin berkaitan biodiversiti, termasuk flora dan fauna, ekologi dan ekosistem hutan, produk hutan bukan kayu, pengurusan hutan dan pemetaan, mikrobiologi, geologi, hidrologi dan tumbuhan perubatan.

Melalui kajian ini, diharap ia akan memperoleh dapatan dan maklumat baharu tentang biodiversiti di negara ini yang mana sebahagiannya akan dikongsikan melalui pembentangan persidangan yang akan diadakan semasa Brunei Darussalam Conference on Biodiversity pada 13 Jun 2024 iaitu hari ketiga dan terakhir persidangan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Ekspedisi Saintifik dan Persidangan Biodiversiti adalah merupakan salah satu aktiviti yang dianjurkan bersempena dengan Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2024 (Brunei MYCE 2024).

Komitmen memajukan hubungan ekonomi rantau Indo-Pasifik



Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

REPUBLIK SINGAPURA, Khamis, 6 Jun. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Indo-Pacific Economic Framework for Prosperity (IPEF) dan the Inaugural Clean Economy Investor Forum yang telah diadakan pada 5 dan 6 Jun 2024 di Marina Bay Sands Expo & Convention Centre, Republik Singapura.

Antara fokus utama Mesyuarat Menteri-menteri IPEF tersebut adalah penandatanganan

Perjanjian-perjanjian *the first-of-its-kind* iaitu 'the IPEF Agreement Relating to a Clean Economy (Pillar III)' dan 'the IPEF Agreement Relating to a Fair Economy (Pillar IV)'.

Menteri-menteri berkenaan juga telah menandatangani 'overarching Agreement on IPEF' bagi merasmikan Perjanjian-perjanjian IPEF, yang mana ini menandakan detik penting bagi Negara-negara Ahli IPEF dalam memajukan hubungan ekonomi di rantau Indo-Pasifik.

Selanjutnya, para Menteri mengalui-alukan perkembangan

yang baik dicapai di bawah 'IPEF Agreement Relating to a Supply Chain Resilience (Pillar II)' yang telah ditandatangani pada November 2023 di San Francisco, Amerika Syarikat.

Melalui perjanjian-perjanjian ini, Negara-negara Ahli IPEF berdedikasi untuk menunjukkan komitmen dalam membina rantai bekalan yang berdaya tahan; mempercepatkan peralihan kepada ekonomi bersih untuk mencapai pelepasan sifar bersih (*net-zero emissions*); serta ekonomi yang adil dengan menyediakan persekitaran perniagaan yang boleh diramal dan telus di rantau ini.

Yang Berhormat Menteri di



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Indo-Pacific Economic Framework for Prosperity (IPEF) dan the Inaugural Clean Economy Investor Forum (atas dan kiri).

Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga merupakan salah seorang ahli panel bagi sesi panel, 'Developing Clean Energy Opportunities and Supply Chain in the IPEF Region' yang telah diadakan hari ini.

Sesi tersebut, antara lain, bertujuan untuk menonjolkan peluang-peluang pelaburan utama dan kemajuan teknologi yang boleh memacu peralihan tenaga di rantau ini; menekankan peranan penting kerjasama awam-swasta untuk menangani cabaran semasa dalam membangunkan ekosistem tenaga bersih; dan tindakan konkrit yang perlu diutamakan bagi membina rantaian bekalan tenaga bersih yang berdaya tahan dan mampan di rantau ini termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sementara itu, 'the Inaugural Clean Economy Investor Forum'

telah mengumpulkan beberapa pemain-pemain utama dalam rantau IPEF yang terdiri daripada sektor kerajaan dan sektor swasta serta institusi-institusi kewangan untuk memangkin pelaburan dengan tujuan untuk memajukan kerja-kerja di bawah Perjanjian Pillar III.

Peluang pelaburan bernilai lebih USD23 bilion telah dikenal pasti dan sekitar USD6 bilion dibentangkan di Forum Pelabur.

Tiga projek pelaburan infrastruktur yang berdaya tahan dari NBD telah terpilih untuk dipamerkan semasa sesi tersebut.

Turut hadir dalam acara IPEF berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, selaku Ketua Perunding bagi NBD.

RESEPSI MAKAN MALAM BERSEMPENA KAIB XV



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi Makan Malam (atas kiri, atas tengah dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Rabu, 5 Jun. - Bagi meraikan para ucaptama serta jemputan bagi Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV), satu Majlis Resepsi Makan Malam telah diadakan di Tarindak D'Polo Restaurant, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Terdahulu, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku Pengurus KAIB XV dalam ucapan alu-aluannya berkata antara objektif KAIB adalah untuk mengumpulkan bahan atau karya ilmiah yang berkaitan dengan memperkasaan ummah yang unggul bertunjangkan ilmu dan amal untuk menjadi

rujukan pada masa hadapan.

Di samping itu, ia juga berfungsi sebagai wadah diskusi tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan dakwah Islamiah serta isu-isu yang berkaitan dengan Islam di Borneo.

Makan Malam persidangan ini ujarnya, diharap akan dapat memberi peluang dan ruang kepada para pembentang dan peserta untuk kenal mengenal antara satu sama lain selain dapat mempereratkan lagi ikatan persaudaraan yang sedia ada dan menjalinkan jaringan strategik dalam suasana yang lebih santai.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian hadiah dan sijil bagi kertas terbaik kepada pembentang KAIB XV.

Bersempena KAIB XV, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) seterusnya memperluas jaringan kerjasama dengan penandatanganan Memorandum

Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) bersama beberapa buah institusi-institusi pengajian luar yang ikut menghadiri KAIB XV.

Menandatangani MoU bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal bersama ketua-ketua perwakilan dari Universitas Mulawarman, Kalimantan Timur, Indonesia; Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), Indonesia dan Institusi Agama Islam Negeri Sorong, Papua, Indonesia.

Sementara penandatanganan MoA juga turut dilaksanakan di antara Fakulti Pertanian, UNISSA yang diwakili oleh Dekan Fakulti Pertanian, Profesor Madya Dr. Hajah Rose binti Abdullah bersama Dekan Fakultas Pertanian Universitas Mulawarman, Profesor Dr. Ir Rusdiansyah, M.Si.

Dengan termetarinya penandatangan bersama institusi-institusi pengajian tinggi luar negara

tersebut adalah merupakan platform ke arah perancangan-perancangan kolaborasi yang akan dirancang demi manfaat bersama khususnya mengukuhkan kedudukan UNISSA sebagai hab pengajian tinggi Islam global.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah

Setiausaha Tetap (Kesukunan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, tetamu-tetamu khas dari dalam dan luar negara, pegawai-pegawai utama UNISSA dan para peserta persidangan.

Setiausaha Tetap (Kesukunan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, tetamu-tetamu khas dari dalam dan luar negara, pegawai-pegawai utama UNISSA dan para peserta persidangan.

FOKUS MEMPERLUAS EKOSISTEM PERNIAGAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, juga selaku Pengurus BEDB hadir selaku tetamu kehormat pada Perbincangan Meja Bulat yang diadakan di Royal Plaza on Scotts Hotel, Singapura (kiri dan atas).

>> Muka 1

Perbincangan itu juga menyediakan platform kepada para peserta untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perkembangan terkini dan peluang yang muncul dalam lima sektor keutamaan

NBD iaitu minyak dan gas hiliran, makanan, perkhidmatan, ICT dan pelancongan.

Para peserta juga berkongsi keutamaan dan rancangan mereka untuk pengembangan di Asia Tenggara, dan bertanya tentang iklim pelaburan, dasar dan rangka

kerja kawal selia NBD.

Bagi menyokong acara tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif dari tiga buah syarikat tempatan iaitu Baiduri Bank, Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) dan Polygel Organometallic (Brunei) Sdn. Bhd. mengambil peluang untuk berkongsi perspektif,

pengalaman dan peluang berpotensi dalam industri masing-masing, iaitu perbankan dan kewangan korporat, telekomunikasi dan ekonomi digital dan bahan kimia khusus.

Selaras dengan mandatnya untuk membantu mengembangkan dan mempelbagaikan ekonomi negara, terutamanya dalam mempromosi dan memudahkan Pelaburan

Langsung Asing (FDI) ke dalam negara, BEDB akan meneruskan program jangkauan dan penglibatan yang disasarkan dalam pasaran sumber yang berpotensi seperti Singapura, dengan memanfaatkan hubungan dua hala yang sangat baik, persahabatan yang terjalin lama dan peranan ekonomi yang saling melengkapi antara NBD dan Singapura.

Hujan lebat, berpetir dijangka sehingga hujung minggu

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Jun. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di dalam Monsun Barat Daya, yang pada lazimnya akan berterusan sehingga bulan September.

Semasa Monsun Barat Daya, keadaan atmosfera di negara kita pada kebiasaannya adalah agak stabil dengan kejadian ribut petir berkurangan berbanding semasa monsun peralihan.

Keadaan angin secara amnya akan bertiup dari arah Barat Daya semasa tempoh ini.

Keadaan cuaca diramalkan aktif untuk beberapa hari akan datang, yang disebabkan oleh pembentukan satu sistem tekanan rendah berdekatan dengan negara kita yang menjadikan keadaan atmosfera tidak stabil, dan seterusnya meningkatkan pembentukan awan-awan hujan.

Keadaan cuaca aktif dijangka bermula Khamis, 6 Jun 2024 sehingga Ahad, 9 Jun 2024, dengan hujan lebat dan berpetir sekali-sekala dijangka menjelaskan beberapa kawasan negara.

Manakala kelajuan angin boleh meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat.

Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit hingga sederhana, di antara 0.5-1.5 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Terdapat risiko berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air

pasang.

Kejadian tanah susur dan pokok tumbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua. Kami akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran

cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram kami Brunei Weather.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**
(Sijil berhenti Sekolah)



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**
menandakan ✓ pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaans**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**



JERAYAWARA NSD TERAPKAN PELAJAR KEPENTINGAN CELIK KEWANGAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir pada Jerayawara Kesedaran Kewangan yang pertama di Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri. Turut hadir, Yang Mulia Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (atas), manakala gambar kanan, antara pameran pada jerayawara tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Jun. - Hari Menabung Kebangsaan (NSD) 2024 anjuran bersama Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan Kementerian Pendidikan (MOE) telah mengendalikan Jerayawara Kesedaran Kewangan yang pertama di Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri hari ini.

Jerayawara tersebut dijayaan dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP), Cyber Security Brunei (CSB), dan beberapa institusi kewangan, bertempat di dewan sekolah berkenaan, di sini.

Lebih 470 pelajar Tahun 3 hingga Tahun 5 dari sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah ikut serta dalam jerayawara tersebut.

Pelancaran jerayawara tersebut disempurnakan oleh Menteri

Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh yang juga selaku Pengurus Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK).

Turut hadir, Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, dan juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah BDCB serta Timbalan Pengurus MKCK; Setiausaha-setiausaha Tetap; Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan BDCB.

Pengarah Urusan, BDCB semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya menekankan akan kepentingan celik kewangan

dan menzhirkhan harapan agar pengetahuan yang diperoleh akan mengukuhkan kefahaman para pelajar mengenai pengurusan kewangan secara praktikal yang boleh diterapkan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Dayang Hajah Rokiah juga menggariskan peranan penting kerjasama dan kolaborasi berterusan antara pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan dalam usaha untuk meningkatkan tahap literasi kewangan agar dapat menelusuri landskap kewangan yang semakin kompleks dan rumit.

Aktiviti interaktif berkaitan kewangan yang memperkenalkan konsep pengurusan kewangan seperti menabung, takaful dan insurans, perancangan persaraan dan perlindungan pengguna kewangan telah ditampilkan sepanjang jerayawara.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



Sebanyak lima jerayawara akan diadakan di seluruh negara sepanjang NSD 2024 yang menyasarkan para pelajar di sekolah rendah khususnya dari Tahun 3 hingga Tahun 5.

Jerayawara seterusnya akan diadakan di Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut, Belait pada 11 Jun, diikuti di Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok, Temburong pada 13 Jun, manakala pada 27 Jun pula di Pusat Tingkatan Enam (PTE) Tutong dan jerayawara terakhir akan diadakan di PTE Sengkurong pada 3 Julai depan.

Siri jerayawara tersebut bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan serta kefahaman mengenai peranan dan tanggungjawab BDCB.

Selain itu, ia juga berfungsi

sebagai program jangkauan untuk memastikan para pelajar dari keempat-empat daerah menerima pendedahan awal kepada kemahiran dan pengetahuan pengurusan kewangan yang sesuai dengan usia mereka.

Selain itu, sebuah Pesta Kewangan (Financial Fun Fair) juga akan diadakan di Taman Permainan Jerudong Park pada Ogos akan datang.

Acara tersebut akan menampilkan pelbagai program dan aktiviti pendidikan kewangan yang seronok dan interaktif untuk seisi keluarga.

Sebarang maklumat lanjut mengenai NSD 2024, sila layari laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn dan ikuti akaun Instagram BDCB, @centralbank.brunei.

Tingkatkan kesedaran mengenai tenaga lestari

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BELAIT, Khamis, 6 Jun. - Projek Tenaga Lestari bertujuan untuk mendukung matlamat negara dalam meningkatkan kesedaran di peringkat kebangsaan mengenai tenaga lestari di samping mengintegrasikan tenaga lestari dalam pengajaran dan pembelajaran

Bukan itu sahaja, ianya juga untuk memperkenalkan komitmen Politeknik Brunei (PB) dalam memupuk inovasi dan kemampunan di kalangan pelajar-pelajar PB.

Perkara itu digariskan oleh Pemangku Pengarah PB, Awang Lim Kian Boon dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Pelancaran Projek Tenaga Lestari dan Projek Makerspace, yang diadakan di Kampus Lumut, Kuala Belait, hari ini.

Jelasnya, projek tersebut adalah sebuah inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Lima Tahun Politeknik Brunei 2021-2025 yang dilaksanakan oleh Sekolah Sains dan Kejuruteraan dengan sokongan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Tambahnya, ia merupakan salah satu langkah yang diambil untuk membangun infrastruktur bagi sebuah Fasiliti Pembelajaran Autentik yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di PB.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.



Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Md. Didi Normady bin Ahmad, diikuti dengan ucapan alu-aluannya Pemangku Pengarah PB.

Sejurus itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, menekan butang yang tertera di dalam iPad bagi merasmikan pelancaran Projek Tenaga Lestari dan Projek Makerspace, di mana penggunaan iPad tersebut melambangkan rangkul teknologi dan kemodenan institusi tersebut.

Ini diikuti dengan tayangan video

yang memperkenalkan projek-projek berkenaan.

Semasa acara tersebut, para tetamu melawat ke Makerspace, yang menampilkan demonstrasi langsung pencetakan 3D dan ukiran laser yang bertempat di Maker's Hub.

Selain itu, pameran produk cetakan 3D, projek reka bentuk perisian dan stesen kemasan kertas untuk projek pencetakan dan laporan turut disediakan dan dipamerkan di Makerspace.

Ruang Makerspace merupakan ruang kondusif yang menyokong minat dan kemahiran pelajar, serta menggalakkan pemikiran kreatif



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya berucap pada Majlis Pelancaran Projek Tenaga Lestari dan Projek Makerspace (atas dan kiri).

dan kritikal dalam menyelesaikan masalah dan membantu kajian di luar kelas mereka.

Seterusnya para tetamu mengunjungi Pameran Projek Tenaga Lestari iaitu menggunakan Sistem Panel-panel Solar Fotovoltaik (PV) yang mengandungi kapasiti 20 KW, terdiri daripada 36 panel-panel Monocrystalline dan 18 Mikroinverter dan Net-Meter bertujuan untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik khususnya di Bangunan Perpustakaan dan Teater Kuliah, Kampus Lumut.

Sistem ini menggunakan data secara langsung menggunakan APsystem dan Projek Tahun Akhir

pelajar-pelajar yang berkaitan dengan tenaga lestari juga turut dipamerkan.

Para tetamu juga sempat melawat ke tapak Panel PV Solar, dan lawatan diakhiri dengan sesi bergambar ramai di tapak tersebut.

Acara diakhiri dengan sesi rangaian dan jamuan ringan di teater kuliah untuk tetamu VIP untuk memberikan peluang perbincangan dan kerjasama lanjut.

Projek Tenaga Lestari dan Projek Makerspace PB menjadi asas kepada penawaran pendidikannya, memberikan pelajar pengalaman praktikal dalam amalan mampu dan teknologi canggih.

JADIKAN AL-QURAN SEBAGAI PEDOMAN HIDUP SEPANJANG ZAMAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Jun. - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) bukan sekadar pertandingan tetapi ia merupakan

satu bentuk penghormatan kepada kitab suci umat Islam, iaitu Al-Quran.

Dalam konteks yang lebih luas, musabaqah seumpama tersebut mempunyai kepentingan yang besar dalam membentuk dan memperkasa ummah yang cinta kepada ilmu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa berucap pada MTQBK 1445 Hijrah / 2024 Masihi Peringkat Akhir, bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Al-Quran terang Yang Berhormat, merupakan kitab petunjuk Allah Yang Maha Suci yang dapat digunakan sebagai pedoman hidup di sepanjang zaman dan

singkatnya, Al-Quran mengandungi nilai-nilai yang lengkap dan lestari.

Hal ini kata Yang Berhormat, juga dilihat amat relevan dengan konsep hubungan antarabangsa pada masa kini, iaitu dari perspektif globalisasi yang kian diwarnai oleh krisis moral dan sosial, yang sangat memerlukan solusi untuk mengatasinya.

Oleh yang demikian tambah Yang Berhormat, para belia yang menjadikan Al-Quran sebagai sumber ilmu dalam kehidupan sehari-hari sudah pasti akan mengecapi rasa jiwa yang tenang dan damai, iman yang teguh dan lebih sempurna, cemerlang serta dijamin berjaya dunia dan akhirat.

"Peramba / saya masih ingat semasa pembentangan Kertas Perdana Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia

(Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned pada Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) semalam, ada menyentuh mengenai kanak-kanak di bumi Palestin yang disalurkan ke dalam khemah-khemah dan institusi-institusi untuk belajar membaca dan menghafaz 30 Juzuk Al-Quran untuk mengambil berkat dari Al-Quran kerana mereka tahu Al-Quran adalah sumber kekuatan luar biasa, di mana siapa yang membacanya akan mendapat bekalan kekuatan dalam dan keberanian untuk menghadapi musuh.

"Peramba / saya juga percaya Al-Quran juga merupakan sumber kekuatan jati diri, semangat berdaya tahan dan mampu melahirkan semangat kental dalam menghadapi apa jua cabaran dan realiti kehidupan," ujar Yang

Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan harapan agar musabaqah tersebut akan terus menjadi wadah bagi membudayakan membaca Al-Quran dalam kalangan masyarakat.

Menurut Yang Berhormat, usaha menganjurkan pelbagai inisiatif bagi memupuk budaya mencintai dan mendekati Al-Quran, perlu diteruskan dan dipergiat lagi dalam kalangan masyarakat Islam khususnya belia bermula daripada institusi keluarga kita sendiri.

"Sokongan dan dorongan daripada kedua-dua ibu bapa adalah amat penting dalam memastikan generasi belia kita terbiasa membaca dan memahami Al-Quran sejak dari kecil lagi," ujar Yang Berhormat lagi.

Awang Abdul Qawiyyel Azeez, Dayang Najla' Sabreena johan qari, qariah MTQBK 2024



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan hadiah kepada para pemenang Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1445 Hijrah / 2024 Masihi Peringkat Akhir (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Jun. - Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd. Rajid dan Dayang Najla' Sabreena binti Haji Abd. Rajid masing-masing dinobatkan johan qari dan qariah pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) 1445 Hijrah / 2024 Masihi Peringkat Akhir, yang diumumkan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Johan qari yang memperoleh markah 91.25 peratus dan qariah pula meraih 89.13 peratus, masing-masing menerima piala pusingan, hadiah irigan, sijil penyertaan, wang tunai BND3,000, Akaun Al-Wadiyah bernilai BND300 sumbangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Manakala, tempat ketiga qari dan qariah menjadi milik Awang Muhammad Nur Asymawi bin Awang Asli dengan markah 87.13 peratus dan Dayangku Nurul Sakinah Adawayah binti Pengiran Ainolzahar memperoleh markah 85.75 peratus, masing-masing menerima hadiah irigan; sijil penyertaan; wang tunai BND1,000; Akaun Al-Wadiyah BND200 sumbangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Bagi hadiah sagu hati pula, para peserta qari dan qariah membawa pulang hadiah irigan, sijil penyertaan, wang tunai BND500, dan Akaun Al-Wadiyah bernilai BND100 sumbangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia

dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan KKBS serta para pegawai kanan kerajaan.

MTQBK merupakan program anjuran KKBS dan KHEU dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan sejak tahun 1980-an dan berjaya melahirkan ramai qari dan qariah belia yang berkualiti dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau tarannum.

Pada tahun ini, seramai 121 peserta telah mendaftarkan diri bagi mengikuti MTQBK 1445H/2024M.

Antara tujuan musabaqah diadakan adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis

Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan bagi 1 Jamadilakhir 1417 Hijrah bersamaan 13 Oktober 1996 Masihi.



MEMBANGUN MASYARAKAT BERAKHLAK MULIA, BERIMAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Rabu, 5 Jun. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menjelaskan, membangun masyarakat bererti membangun manusia.

"Bagaimana membangun manusia itu? Jika membangun bangunan, kita akan menyiapkan tapaknya, menyiapkan reka bentuknya, bahan-bahan binaan dan sebagainya. Tetapi membangun manusia tidak berhajat kepada tapak kepada reka bentuk dan bahan-bahan binaan."

"Kerana kalau membangun manusia, yang dibangun itu ialah dalamannya : jiwanya, semangatnya, akhlaknya, pemikirannya, akidahnya dan imannya," ujar Yang Berhormat semasa membentangkan Kertas Perdana pada Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Menurut Yang Berhormat, perkara ini telah dicontohkan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda membangun manusia di sekelilingnya, bukan membangun batang tubuh untuk jadi kuat atau membangun untuk dapat makan makanan-makanan lazat atau membangun untuk dapat pakai pakaian yang mahal-mahal, atau membangun untuk dapat diam di rumah-rumah mewah,

bukan! Tetapi Baginda membangun jiwa, membangun semangat, membangun sikap, membangun akidah dan membangun iman.

Jelas Yang Berhormat Mufti Kerajaan lagi, Baginda melancarkan reformasi dari masyarakat yang miskin akhlak dan tidak beriman, kepada masyarakat berakhlik mulia dan beriman.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Baginda membangun semua ini bukan dengan benda tetapi dengan La Ilaha Illallah dan dengan Al-Quran, dengan Tauhid, sehingga hasil dari pembangunan itu telah : Melahirkan peribadi-peribadi besar luar biasa seperti Sayyidina Abu Bakar Asy-Syidiq Radhiallahu Anhu yang pernah menjadi orang kaya tetapi semua hartanya disumbangkan untuk Islam dan untuk membebaskan para hamba sahaya termasuk Sayyidina Bilal bin Rabbah.

Menurut Yang Berhormat lagi, ketika Sayyidina Abu Bakar menyumbangkan semua hartanya, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mencelah : "Wahai Abu Bakar, apa saja yang engkau tinggalkan untuk keluargamu?" Menjawab Sayyidina Abu Bakar : "Saya tinggalkan untuk mereka ialah Allah dan Rasul-Nya".

Yang Berhormat seterusnya berkata, siapa lagi? Sayyidina Umar bin Al-Khahatab Radhiallahu Anhu. Tokoh ini sebelum Islamnya adalah seorang penentang paling kuat terhadap Islam di mana hatinya

umpama batu dan jiwanya umpama api menyala-nyala membenci Islam.

"Tetapi Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam membangunnya dengan doa : "Ya Allah, kuatkanlah Islam dengan Umar". Lalu Allah pun menerima doa Nabi ini, maka Umar pun memeluk Islam. Malaikat Jibril Alaihissalam datang kepada Nabi dan berkata : "Wahai Muhammad, sesungguhnya seluruh penduduk langit bergembira dengan Islamnya Umar," ujar Yang Berhormat.

Kemudian siapa lagi? tambah Yang Berhormat, Sayyidina Osman bin Affan Radhiallahu Anhu, seorang dermawan di jalan Allah yang tidak ada tolok bandingnya di mana beliau juga disifatkan oleh Nabi sebagai paling pemalu dan berakhlik paling mulia kerana tidak pernah menjamah alat kelaminnya dengan tangan kanan kerana dengan tangan kanan itulah dia menjabat tangan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

Yang Berhormat menambah, siapa lagi? Sayyidina Ali Karamahullah wajah, seorang pemuda yang sanggup bergadai nyawa untuk menyelamatkan Nabi dengan menggantikan Nabi di tempat tidur Baginda sebagai usaha untuk mengelirukan musuh yang sudah pun bersedia untuk membunuh Baginda.

Tambah Yang Berhormat, siapa lagi? Sahabat Abdurrahman bin Auf, seorang yang terkenal sangat kaya tetapi tidak pernah menahan hartanya untuk kebaikan dan beliau pernah menyumbangkan barang-

barang keperluan untuk penduduk Madinah di mana barang-barang itu dibawa oleh 700 ekor unta.

"Bayangkan betapa banyak barang-barang dimuat ke atas 700 ekor unta. Beliau juga menjual tanahnya dengan harga 40 ribu dinar untuk dibahagi-bahagikan kepada kaumnya, kepada isteri-isteri Nabi Ummahatul Mukminin dan kepada para fakir miskin.

"Dalam satu peperangan (Peperangan Tabuk), beliau menyumbangkan 500 ekor kuda perang dan 1,500 ekor unta tunggangan. Begitu juga beliau telah menyedekahkan 400 dinar kepada setiap bekas tentera Perang Badar yang masih hidup seramai 100 orang," ujar Yang Berhormat.

Ya, siapa lagi? jelas Yang Berhormat, Sahabat Khalid bin Al-Walid yang digelar oleh Nabi sebagai Saifullah al-Maslul (erti pedang Allah yang terhunus) di mana sahabat ini terkenal gagah untuk Islam, pakar menggunakan senjata dan penunggang kuda yang hebat untuk Islam.

Dalam zaman Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tambah Yang Berhormat, beliau menyertai ekspedisi jihad melawan musuh dan setelah Nabi wafat, dilantik menjadi panglima perang menentang tentera-tentera Parsi dan Rom.

Menurut Yang Berhormat, semua peperangan yang disertai dan diketuaunya tidak pernah kalah. Beliau bercita-cita untuk mati syahid tetapi tidak kesampaian, sehingga ketika berada di ranjang maut, beliau menangis, menangis



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menyampaikan Kertas Perdana pada Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV).

BRUNEI MYCE 2024
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION

mengenangkan cita-citanya untuk mati syahid tidak terkabul.

Begitu beberapa contoh peribadi-peribadi hebat dalam sejarah tambah Yang Berhormat, yang dibangun oleh Nabi untuk Islam dan sekali gus untuk ummah dan untuk negara di mana mereka ini meninggalkan pengaruh dan kesan kepimpinan yang tidak mungkin hapus dari lipatan sejarah.

Al-Quran sumber kekuatan luar biasa

BERAKAS, Rabu, 5 Jun. - Pembentangan Kertas Perdana bertajuk, 'Membangun Masyarakat dan Perbandaran Islam Yang Mampan' turut menyentuh contoh membangun manusia pada zaman mutakhir ini.

Yang Berhormat, Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menjelaskan bahawa perkara ini boleh kita saksikan contohnya di Palestin. Di sana, telah dan sedang berlaku kerja-kerja membangun manusia untuk kelangsungan bangsa, agama dan negara.

Tambah Yang Berhormat, menurut buku yang berjudul 'Peristiwa Ajaib Pertolongan Allah Subhanahu Wata'alá Buat Penduduk Palestin', telah berlaku pembangunan itu melalui khemah-

khemah dan institusi-institusi mengaji dan menghafaz Al-Quran.

Semua kanak-kanak Palestin disalurkan ke dalam khemah-khemah dan institusi-institusi ini untuk tujuan belajar, membaca dan menghafaz 30 Juzuk Al-Quran.

"Mengapakah langkah ini diambil? Menurut buku tersebut, pertama, untuk mengambil berkah dari Al-Quran, kerana Al-Quran adalah sumber kekuatan luar biasa, di mana siapa yang membacanya akan mendapat bekalan kekuatan dalam untuk menghadapi musuh; dan kedua, kanak-kanak Palestin memang sengaja diasuh untuk mencintai Al-Quran kerana Al-Quran mengajar mereka untuk lebih berani," ujar Yang Berhormat lagi ketika membentangkan Kertas Perdana pada Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam

Borneo Ke-15 (KAIB XV) di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, hari ini.

Perkara ini sangat-sangat tidak disenangi oleh musuh jelas Yang Berhormat, kerana mereka tahu 15 atau 20 tahun ke hadapan, kanak-kanak ini akan dewasa, akan menjadi pejuang bangsa, menjadi duri dalam daging kepada mereka. Kerana itu, setiap serangan ganas oleh musuh ke atas bumi Palestin dahulu mahupun sekarang kanak-kanaklah yang menjadi sasaran utama untuk dibunuh.

Satu contoh jelas Yang Berhormat lagi, dalam tengkarah antara musuh dan Palestina pada tahun 2008, musuh telah memfokus kepada kanak-kanak Palestin di Tebing Gaza. Dalam serangan hanya tiga minggu, musuh telah membunuh 1,412 orang kanak-kanak. Tetapi kesedihan rakyat Gaza dengan hilangnya nyawa 1,412 kanak-kanak itu, menurut kajian, segera diubati dengan lahirnya 3,700 orang kanak-kanak dalam masa tiga minggu serangan tersebut. Dalam makna secara kasar, mati 1,000 berganti 3,000.

"Inilah namanya kuasa Allah, musuh boleh saja membunuh

sekian ramai tetapi Allah akan menggantikannya dengan jumlah yang lebih ramai dari yang dibunuh itu. Begitu juga kita dapat menyaksikan mangsa-mangsa berlumuran darah dan diusung ke kuburan, tetapi Allah kata (lihat Surah Al-Imran ayat 169) tafsirnya :

"Jangan sangka orang-orang yang terbunuh (mati syahid) di jalan Allah itu mati, bukan! Tetapi mereka hidup di sisi (Allah) Tuhan mereka dengan beroleh rezeki dan mereka bergembira dengan rezeki tersebut..."

"Ya, kita usah ragu dengan perkhabaran Al-Quran ini. Allah sudah tunjuk bukti, bahawa orang-orang yang terkorban di jalan Allah, jasad mereka tidak reput. Orang pernah tergali kubur Sayyidina Hamzah, kaki Sayyidina Hamzah terkena cangkul masih sahaja memancutkan darah," ujar Yang Berhormat.

Dikisahkan juga tambah Yang Berhormat lagi, pada tahun 1932 Masihi, Raja Iraq yang bernama Shah Faisal, telah bermimpi ditemui oleh sahabat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Huzaifah al-Yamani yang telah dikebumikan selama 1,300 tahun. Huzaifah berkata :

"Wahai raja! ambillah jenazah saya dan jenazah Jabar al-Ansari dari tepi Sungai Tigris dan kemudian kebumikan kembali di tempat yang selamat. Sebabnya, kerana kubur saya dan kubur Jabar sekarang sedang dipenuhi oleh air".

Menurut Yang Berhormat, raja tidak menghirau mimpi ini, sehingga Mufti Besar pula didatangi

oleh Huzaifah, juga dalam mimpi. Huzaifah bekata : "Wahai Mufti! Saya telah memberitahu raja dua malam sebelumnya tetapi raja tidak peduli. Oleh itu, beritahulah raja supaya bersimpati sedikit untuk memindahkan jenazah kami".

Diringkaskan kisah jelas Yang Berhormat, raja pun bersetuju untuk menggali kubur dua sahabat ini. Tetapi sebelum itu, dengan titah perintah raja, satu siaran hendaklah dikeluarkan untuk memberitahu orang ramai bahawa pada tanggal 20 Zulhijah Tahun 1351 Hijrah bersamaan Tahun 1932 Masihi, selepas Sembahyang Zuhur, kubur dua sahabat ini akan dibuka. Maka berkerumunlah orang ramai, Muslim dan bukan Muslim untuk menyaksikan peristiwa ini, sehingga ibu kota Baghdad kelihatan penuh sesak.

Apabila kubur-kubur itu dibuka kata Yang Berhormat, memang benar Subhanallah, kubur-kubur tersebut sedang dipenuhi oleh air dan jenazah dua sahabat : Huzaifah al-Yamani dan Jaber Abdullah al-Ansari didapati masih utuh dan segar, padahal mereka telah dikebumikan selama 1,300 tahun. Allahuakbar!

Melihat ini tambah Yang Berhormat, seorang berbangsa Jerman telah mendekati mufti dan memegang tangan mufti sambil berkata : "Bukti apa lagi yang perlu dicari bahawa Islam memang agama yang benar. Sekarang juga, saya mahu memeluk Islam dan tolong ajarkan kepada saya tentang Islam".



ANTARA yang hadir pada Majlis Perasmian KAIB XV.

PLATFORM BERKONGSI PERKEMBANGAN AGAMA, MASYARAKAT ISLAM



Maqasid Syariah jamin keselamatan semua

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BRUNEI 2024
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE

BERAKAS, Rabu, 5 Jun. - Mampan ertinya berterusan bagus, indah dan selamat. Seperti membangun manusia, membangun perbandaran juga dikehendaki mengikut tuntutan Maqasid Syariah iaitu dengan memelihara agama, akal, jiwa, keturunan dan harta.

“Maqasid Syariah mahu supaya bandar atau negeri yang dibangun itu penuh berisi dengan rahmat dan berkat, sehingga kita yang hidup di dalamnya, menikmati kehidupan sejahtera, aman dan selamat,” ujar Yang Berhormat semasa membentangkan Kertas Perdana pada Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan

Antarabangsa, hari ini.

Menurut Yang Berhormat, sebab itu dalam perbandaran Islam tidak boleh wujud kumpulan-kumpulan penjenayah yang mengancam nyawa dan harta benda, tidak boleh berdiri kelab-kelab malam, premis-premis judi, premis-premis membuat, menjual dan menghidangkan arak dan lain-lain seumpamanya, yang bertentangan dengan dasar Maqasid Syariah.

Yang Berhormat menyatakan, Maqasid Syariah menjamin keselamatan semua, sama ada Muslim atau bukan Muslim, termasuk binatang, tumbuh-tumbuhan dan bahan-bahan mati sekalipun.

Jelas Yang Berhormat lagi, Imam Muslim meriwayatkan dalam kitab sahihnya, bahawa Abu Hurairah Radhiallahu Anhu pernah mencadangkan kepada Nabi dengan berkata: “Wahai Rasulullah! Sumpahilah orang-orang musyrik itu”. Lalu Baginda bersabda: “Sesungguhnya aku diutus bukan untuk melaknat, sebaliknya aku diutus hanya sebagai pembawa rahmat sahaja”.

Sebagai amanah dan peringatan jelas Yang Berhormat, sebuah hadis menceritakan tentang seorang perempuan masuk neraka kerana mengurung seekor kucing dan tidak memberinya makan

sehingga kucing itu mati.

Diriwayatkan lagi tambah Yang Berhormat, pada suatu hari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah ternampak seekor burung sedang berpusing-pusing di sarangnya kebingungan. Nabi menyangka bahawa burung itu sedang mencari anak kecilnya yang hilang.

Lalu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengumpulkan para sahabat dan bertanya siapakah yang mengambil anak burung dari sarangnya? Salah seorang sahabat mengakui dia adalah yang mengambilnya. Lalu Nabi meminta sahabat itu untuk mengembalikan semula anak burung ke dalam sarangnya.

Menurut Yang Berhormat lagi, sebelum pasukan tentera Islam bergerak ke medan perang, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam biasanya akan terlebih dahulu berpesan supaya jangan membunuh orang awam, lebih-lebih lagi kanak-kanak, kaum perempuan dan warga emas dan jangan juga merosakkan tanam-tanaman dan merobohkan bangunan.

“Semua itu jika dilakukan, akan ditanya oleh Allah mengapa ia dilakukan? Bukan membunuh nyawa yang tidak berdosa sahaja yang akan ditanya itu, malah mengikut Amirul Mukminin Umar Radhiallahu Anhu: “Jika sekiranya

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan hormat daripada tiga ahli akademik dari Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia.

diketuai oleh Rektor IAIN, Profesor Dr. H. Syarif; dan disertai oleh Timbalan Rektor, Dr. Ismail Ruslan; dan Direktur Pascasarjana, IAIN, Prof. Dr. H. Zainuddin.

Ketiga-tiga mereka berada di negara ini dalam rangka menyertai Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV), sebagai pembentang Kertas Kerja.

Kunjungan hormat tersebut bertujuan untuk mengambil peluang meninjau Jabatan Mufti Kerajaan sambil bertukar-tukar fikiran dengan Yang Berhormat Mufti Kerajaan mengenai perkembangan semasa agama dan umat Islam di kedua-dua buah negara.

Mereka menyatakan sangat berpuas hati dapat menghadiri konferensi berkenaan dan amat bertuah dapat bersua muka dengan raja pemimpin yang sangat dihormati.

KAIB XV berlangsung selama dua hari anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama 10 buah universiti di Kepulauan Borneo bermula 5 Jun 2024.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Jun. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, telah menerima kunjungan hormat daripada tiga ahli akademik dari Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, hari ini.

Kunjungan tersebut berlangsung di pejabat Yang Berhormat Mufti Kerajaan, di Darulifta' Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Kunjungan dari institut tersebut

binatang baghal tercedera di Iraq kerana jalan yang berlopak-lopak, nescaya Allah akan tanya saya (selaku pemerintah) wilayah Iraq, mengapakah engkau tidak baiki jalan yang berlopak-lopak itu, wahai Umar?” ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, begitu Islam menghendaki kita supaya memelihara nyawa dan perbandaran. Jelas Yang Berhormat, Islam telah mengajar supaya kita jangan jadi Firaun dan Haman yang membunuh kanak-kanak dan juga jangan jadi Namrud yang melemparkan Nabi Ibrahim Alaihissalam ke dalam api yang sedang menyala-nyala.

Tetapi dalam sejarah moden tambah Yang Berhormat, dunia sekarang sedang menyaksikan golongan penjahat yang lebih jahat daripada Firaun dan Haman dan Namrud, mereka membunuh kanak-kanak tidak kira lelaki atau perempuan, membunuh juga kaum hawa, warga emas dan siapa saja sampai puluhan ribu, dan tidak memadai setakat itu, mereka juga membakar dan meruntuhkan bangunan-bangunan, rumah-rumah kediaman, masjid dan hospital, yang menjadikan mereka tidak diragukan lagi adalah penumpah darah dan perosak negeri, harta benda dan

perbandaran.

Terdahulu, Yang Berhormat mengongsikan mengenai orang-orang Palestin yang mati kerana mempertahankan agama dan tanah air mereka.

“Nah, tidakkah juga namanya mereka itu mati syahid? Ya, di hadapan mata kasar kita, mereka itu memang betul-betul nampak mati, mati diratah-ratah oleh bom-bom musuh, disiat-siat oleh peluru-peluru, yang jatuh di atas kepala, ke atas bangunan-bangunan, ke atas kediaman-kediaman, ke atas masjid, ke atas rumah sakit, sehingga ramailah rakyat menjadi mayat.

“Tetapi mayat-mayat itu cuma sekejap sahaja bernama ‘mayat’ kemudian selepas itu di dalam kubur (alam barzakh) mereka itu hidup berbahagia di sisi Tuhan mereka,” ujar Yang Berhormat.

Menurut Kementerian Kesihatan Palestin tambah Yang Berhormat, sejak 7 Oktober 2023 hingga 12 Mei 2024 Masih, mangsa korban di Gaza Palestin adalah seramai 35,034 orang terbunuh, di antaranya 14,944 orang adalah kanak-kanak dan 9,849 ialah kaum hawa, semua mereka itu adalah berstatus syahid (mati syahid), nama sahaja mati tetapi menurut Al-Quran, mereka itu malah hidup berbahagia di sisi Tuhan mereka.

سوروهنجای قرخدمتن عوام
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Keraian dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



Maljis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Jun. - Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam yang ke-78 bagi Tahun 2024 berlangsung petang tadi di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong (kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Majlis dimulakan dengan

SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir pada Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong (kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran 78 Kali Khatam secara beramai-ramai serta pemantauan peserta-peserta khatam oleh tetamu kehormat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Awang Abd. Aziz bin Haji Abdullah.

Peserta-peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan belianwanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur



12 tahun ke bawah yang mewakili Sekolah-sekolah Arab, Sekolah-Sekolah Ugama dan Skim Khatam Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur

serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Institusi-Institusi Pengajaran Tinggi.



UKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA DARUSSALAM
Pada: Hari Khamis, 28 Zulhadzah, 1445H bersamaan 6 Jun 2024M
Tempat: Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Daerah Tutong



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.



TUTONG, Khamis, 6 Jun. - Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun 2024 bagi Daerah Tutong telah diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Pemangku Pegawai Daerah Tutong; Pegawai-pegawai kanan kerajaan; penghulu-penghulu mukim; ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung.

Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran berkenaan merupakan kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam yang telah diadakan pada 21 Mac lalu di masjid yang sama.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran beramai-ramai secara persendirian.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan (atas dan bawah kiri).

■ Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Para peserta adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan belianwanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung, termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran

Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili Sekolah-sekolah Arab, Sekolah-sekolah Ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun, serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajaran tinggi.

Daerah Tutong

Maljis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam

Daerah Belait

■ Berita dan Foto : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

KUALA BELAIT, Khamis, 6 Jun. - Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-78 Tahun 2024 telah diadakan hari ini bermula selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah bertempat di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran berkenaan adalah kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam yang diadakan pada 21 Mac lalu di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Bagi Daerah Kuala Belait, majlis diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, di sini.

Hadir memantau pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah oleh Awang Haji Maswadi, diikuti dengan Majlis Membaca Ayat-ayat Suci

Al-Quran beramai-ramai secara persendirian, yang kemudiannya diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Para peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan belianwanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung.

Ini juga termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian



Pendidikan.

Turut hadir, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli MPMK serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Tutong, Pegawai-pegawai Ugama, Bilal-bilal, Ahli-ahli Takmir Masjid dan anak-anak buah kampung.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan hadir pada Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara di Masjid Muhammad Jamalul Alam (atas dan kanan).



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Khamis, 6 Jun. - Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 diadakan di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Di Daerah Temburong, Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran tersebut diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar sejurus selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (kiri dan kanan).

penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan Majlis Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran beramai-ramai secara persendirian dan kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Para peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran adalah terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan belianwanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah Ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.



ANTARA pelajar yang hadir pada Majlis Pemantauan berkenaan.


**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**
 MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
 KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
[DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
PERINGATAN PENTING

- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Rasmi/pendakwaan serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Salin/pengarisan dan pengstempel Majlis Ketengian Pengurusan Kelulusan (MKPK) yang berkesan)
- 4 Tandakan "I, " pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maldumat (Barisan / pengarisan / Pengurusan Perkhidmatan Awam / Ikhwan/Ikhwanah / Keluarga profesional dan barisan yang diperlukan di dalam dalam akun)



1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn



PSC.BN



Jawatan, Tingga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PEGAWAI PENTADBIR KANAN / PEGAWAI PENTADBIR TINGKAT KHAS KUMPULAN 2/ B.3 (BAHAGIAN I) 2024/MAY/01/JPM	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, JABATAN PERDANA MENTERI	04	38(A)	17 JUN 2024
2. PENGERAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) 2024/MAY/01/KPTK	PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI, KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	38(A)	17 JUN 2024
3. JURULATIH OUTWARD BOUND C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2024/MAY/01/KKBS	OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	17 JUN 2024
4. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2024/MAY/01/KPBG	DIVISIEN PELABURAN DAN UNDANG-UNDANG, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7(A)	17 JUN 2024

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DATIAT MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK IKLAN JAWATAN KOSONG.
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIKARI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILKANAKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN.



Bilangan Tawaran:
 IBTE / LTK / 021 / TK24-25
 [BAS-SBC-JUN-2024]

Keterangan:
 Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 45 Muatan Sebanyak Satu (1) Buah Bagi: IBTE Kampus Sultan Bolkiah, J16/J17 Lorong Lima, Seria KB1533 Negara Brunei Darussalam Di Bawah Kawalan Unit Kenderaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun

Bilangan Tawaran:
 IBTE / LTK / 022 / TK24-25
 [BAS-ATC-JUN-2024]

Keterangan:
 Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak Satu (1) Buah Bagi: IBTE Kampus Agro-Teknologi, Kg. Wasan, Jln. Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu BH2323 Negara Brunei Darussalam Di Bawah Kawalan Unit Kenderaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei Kementerian Pendidikan Untuk Tempoh Lima (5) Tahun

Bilangan Tawaran:
 IBTE / LTK / 023 / TK24-25
 [BAS-SB-JUN-2024]

Keterangan:
 Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak Satu (1) Buah Bagi: IBTE Kampus Bisnes, Spg. 347,

**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Bilangan Tawaran:
 (6) INFO / PK / K / 7 (2024-2025)

Tajuk Sebut Harga :

Mencetak Buku "Titah-Titah: Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 1988-1989"

Yuran :
 Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
 Khamis, 20 Jun 2024
 Jam 8.00 Pagi

**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

1. Bilangan Tawaran:
 JDT / UTS / HK-78 / 2024 / 12

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga
 Bagi Jamuan Mesyuarat, Latihan Persembahan Khas dan Acara Kemuncak Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Tahun 2024

2. Bilangan Tawaran:
 JDT / UTS / HK-78 / 2024 / 13

Tajuk Tawaran:

Sebut Harga Bagi Jamuan Penuntut-Penuntut Sekolah Yang Menyertai Acara Pengibaran Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Tahun 2024

Yuran Tawaran:
 BND5.00

Tarikh Tutup :
 Rabu, 19 Jun 2024
 Jam 2.00 Petang

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

1. Bilangan Sebut Harga :
 KHEU / JPI / JKS / PPS (E) /

2024 - 2025

Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'E'

2. Bilangan Sebut Harga :
 KHEU / JPI / JKS / PPS (K) /

2024 - 2025

Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'K'

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1445H-1446H / 2024M-2025M

Tarikh Tutup Menghantar Borang Sebut Harga :

Rabu,
 19 Zulhijah 1445H /
 26 Jun 2024M
 Tidak lewat jam 2.00 Petang

**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI****Bilangan Rujukan:**

JBBSB / SH / 2024 - 2025 /

27 / UP / 02

Tajuk Sebut Harga:

Six (6) Month Term Contract For Rubbish Collection At Gerai Malam Tamu Selera, Jalan Dato Taib Bandar Seri Begawan

Hari Tarikh dan Jam Tutup:

Khamis, 13 Jun 2024
 Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:

Seksyen Pemuliharaan Aset, Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet Di Bangunan Blok 1 (B1), Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 3 Flat Perumahan Kerajaan Jalan Seri Beribi Gadong BE1118, Bandar Seri Begawan.

**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI****Iklan Tarikh Lanjutan**

Bilangan Tawaran:
 MOFE / UPAH / T / 2024 - 2

Tajuk Tawaran :

Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Gondola Bangunan Bagi Tempoh 36 Bulan Di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yuran Tawaran / Dokumen :
 BND10.00 bagi Yuran Tawaran dan BND5.00 bagi Yuran e-dokumen (Jika pihak penender memerlukan)

Tarikh Tutup Dilanjutkan :
 Selasa,
 11 Jun 2024

**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN****1. Bilangan Tawaran :**

JPi / 03 / 2024

Tajuk :

"Penyediaan Bekalan Elektrik Bagi Lot 22332, Kampung Telisai, Mukim Telisai, Daerah Tutong"

2. Bilangan Tawaran :

JPi/04/2024

Tajuk :
 "Penyediaan Bekalan Elektrik Bagi Lot 22563 & 22562, Kampung Tumpuan Telisai, Mukim Telisai, Daerah Tutong"

Tarikh Tutup :

16 Julai 2024





Bilangan Tawaran:
IBTE / LTK / 024 / TK24-25
[SS-JBC-JUN-2024]

Keterangan:
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Dan Asrama Di IBTE Kampus Jefri Bolkiah, Jalan Setia Negara, Kuala Belait KA1931, Negara Brunei Darussalam [Provision Of Security Guard Services For Buildings And Hostels Of The IBTE Jefri Bolkiah Campus, Jalan Setia Negara, Kuala Belait KA1931, Negara Brunei Darussalam] Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen

Tawaran:
BND30.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
IBTE / LTK / 025 / TK24-25
[SS-NRC-JUN-2024]

Keterangan:
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Dan Asrama Di IBTE Kampus Nakhoda Ragam, KM 13, Lebuh raya Muara-Tutong, Lambak Kanan BC2515, Negara Brunei Darussalam [Provision Of Security Guard Services For Buildings And Hostels Of The IBTE Nakhoda Ragam Campus, KM 13, Lebuh raya Muara-Tutong, Lambak Kanan BC2515, Negara Brunei Darussalam] Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen

Tawaran:
BND10.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
IBTE / LTK / 026 / TK24-25
[SS-SOA-JUN-2024]

Keterangan:
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Di Sekolah Penerangan, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, Jalan Utama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam [Provision Of Security Guard Services For Buildings Of The School Of Aviation, IBTE Sultan Saiful Rijal Campus, Jalan Utama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam] Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND10.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
IBTE / LTK / 027 / TK24-25
[SS-SSRC-JUN-2024]

Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Di IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, Spg. 125, Jalan Muara, Bandar Seri Begawan BB2313, Negara Brunei Darussalam [Provision Of Security Guard Services For Buildings Of The IBTE Sultan Saiful Rijal Campus, Spg. 125, Jalan Muara, Bandar Seri Begawan BB2313, Negara Brunei Darussalam] Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:

BND10.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
IBTE / LTK / 028 / TK24-25
[SS-ATC-JUN-2024]

Keterangan:
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan dan Asrama Di IBTE Kampus Agro-Teknologi, Kg. Wasan, Jln. Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu BH2323, Negara Brunei Darussalam [Provision Of Security Guard Services For Buildings And Hostels Of The IBTE Agro-Technology Campus, Kg. Wasan, Jln. Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu BH2323, Negara Brunei Darussalam] Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:

BND30.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
IBTE / LTK / 029 / TK24-25
[SS-HQ-BC-CET-JUN-2024]

Keterangan:
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Di Ibu Pejabat IBTE, Pendidikan Lanjutan dan Latihan (IBTE CET) dan IBTE Kampus Bisnes, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, BE1310, Negara Brunei Darussalam [Provision Of Security Guard Services For Buildings Of The IBTE Headquarters, IBTE Continuing Education And Training (IBTE CET) And IBTE Business Campus, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, BE1310, Negara Brunei Darussalam] Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua (2) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:

BND30.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu:
25 Jun 2024
(Tidak lewat Jam 2.00 petang)

Tempat Mengambil Borang:
Unit Perolehan, Tawaran dan Sebut Harga, Aras Bawah, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Ibu Pejabat)

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu Gadong BE1310

Tempat Pembayaran:
Kaunter Pembayaran: Unit Hasil, Tingkat 2, Bahagian Kewangan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Ibu Pejabat)

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu Gadong BE1310

Waktu-Waktu Penerimaan Wang Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran

Iasnin - Khamis
Sesi Pagi : 8.30 Pagi – 11.30 Pagi
Sesi Petang : 2.00 Petang – 3.00 Petang

(Ibu Pejabat)
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu Gadong BE1310

Waktu-Waktu Penerimaan Wang Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran

Iasnin - Khamis
Sesi Pagi :
8.30 Pagi – 11.30 Pagi
Sesi Petang :
2.00 Petang – 3.00 Petang



Bilangan Tawaran:
IBTE / LTN / 001 / TK24-25
[FM-JUN-2024]

Keterangan:
Five (5) Years Term Contract For The Facilities Management And Maintenance For Institute Of Brunei Technical Education, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:

BND1,000.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu:
20 Ogos 2024
(Tidak lewat Jam 2.00 Petang)

Tempat Mengambil Borang:
Unit Perolehan, Tawaran dan Sebut Harga, Aras Bawah,

Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Ibu Pejabat)
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu Gadong BE1310

Tempat Pembayaran:

Kaunter Pembayaran: Unit Hasil, Tingkat 2, Bahagian Kewangan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Ibu Pejabat)

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu Gadong BE1310

Waktu-Waktu Penerimaan Wang Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran

Iasnin - Khamis
Sesi Pagi : 8.30 Pagi – 11.30 Pagi
Sesi Petang : 2.00 Petang – 3.00 Petang



Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2425-QTN.02 / ADM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Pelbagai Barang Cetak Bagi Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam :
15 Jun 2024 – Sabtu (9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:

Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



1.Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 32 / 24 - 25
Percetakan dan Pembekalan
Custom Designed Recycle
Bag and Foldable Fan
With Pouch Untuk Cenderamata
Responden Kajian

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu
dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 26 Jun 2024
Jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.**

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.



Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.
RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.
IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

Kumpulan Anak Brunei juara Pertandingan Cerita Berkumpulan 2024

Siaran Akbar dan Foto :
Dewan Bahasa dan Pustaka

BERAKAS, Khamis, 6 Jun. - Kumpulan Anak Brunei dari Sekolah Ma'had Islam Brunei yang mempersembahkan cerita bertajuk 'Malas Ku Ingau', muncul juara pada Pertandingan Cerita Berkumpulan 2024 Peringkat Akhir yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Juara berjaya mendapat 88.9 peratus markah dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND600 dan sijil penyertaan.

Sementara itu, naib juara disandang oleh Kumpulan Ashabul Yamin dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang membawakan cerita bertajuk 'Falsafah MIB Pegangan Hidup', mengutip 82.2 peratus markah dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND500 serta sijil penyertaan.

Manakala, Kumpulan Bangkut Caradik dari Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di tempat ketiga dengan mengetengahkan cerita bertajuk 'Bangkut', mendapat 78.5 peratus markah dan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND400 serta sijil penyertaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Terdahulu itu, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Haireni



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

binti Haji Awang Damit, dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, cerita secara berkumpulan ini dapat merangsang pemikiran dalam menghasilkan idea-idea baru, fikiran yang terbuka dan positif serta perkembangan imaginasi dan kreativiti para remaja.

Tambahnya, di peraduan ini juga, sekali gus membentuk para remaja terbiasa dengan budaya kerja berkumpulan, di mana para remaja dapat mempraktikkan sifat bertolak ansur, hormat menghormati, membentuk persefahaman dan kesepakatan.

Dengan cara begini ujarnya, ia dapat mewujudkan komunikasi yang sihat antara satu sama lain dan memudahkan kerja sehingga

dapat mencapai kepuasan.

"Mencipta cerita bukanlah sesuatu yang mudah, malah memerlukan ketitihan dan kesungguhan dalam menyusun dan menghubungkaitkan kejadian-kejadian yang berlaku di dalam sebuah cerita. Oleh itu, individu yang banyak membaca sudah tentu mempunyai kelebihan dalam menghasilkan cerita yang baik," tekannya lagi.

Dayang Hajah Haireni seterusnya menjelaskan, terciptanya suatu cerita yang baik adalah bertunjang kepada banyaknya pengetahuan yang mana di antaranya dapat diperolehi dari pengalaman membaca.

Banyak membaca tekannya, dapat menjadikan seseorang

berfikiran terkehadapan, berpengetahuan dan mempunyai minda yang di luar jangkaan, dan penggunaan kosa kata dan bahasa yang baik serta pengolahan cerita termasuk tema, isi cerita, plot yang baik akan memperlihatkan satu cerita yang menarik dan dapat menarik minat para pendengar.

Ditambah lagi katanya, dengan memasukkan unsur seni tempatan yang mempunyai keindahan seninya yang unik dan tersendiri seperti syair, diandangan dan pantun.

Dalam peraduan ini menurutnya, para remaja dapat mempelajari sesuatu yang baharu dan sudah semestinya peraduan ini merupakan

pengalaman baru sebagai tempat melatih para remaja untuk memperlihatkan kreativiti minda fikir, kebolehan seterusnya proses pencapaian tahap kebijaksanaan, keberanian yang tinggi serta berkeyakinan berhadapan dengan khalayak.

Sebanyak enam kumpulan menyertai Pertandingan Cerita Berkumpulan Peringkat Saringan yang telah diadakan selama dua hari, iaitu pada 4 hingga 5 Jun 2024.

Kumpulan tersebut terdiri daripada para pelajar dari sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta, institusi pengajian tinggi dan pihak perseorangan.

Tiga kumpulan terbaik daripada enam kumpulan tersebut mara ke Peringkat Akhir untuk merebut gelar juara.

Pertandingan Cerita Kumpulan merupakan projek tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Bahagian Perpustakaan yang dikhushuskan kepada remaja berumur 12 tahun hingga 20 tahun serta kesinambungan daripada Pertandingan Mari Bercerita.

Antara tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap kebijaksanaan dan perkembangan minda dan ilmu pengetahuan peserta sama ada melalui bahan bacaan, pendengaran, penglihatan seterusnya melakonkannya dengan cara tersendiri.

Selain itu, ia juga menyediakan arena latihan dan kerja berpasukan kepada para belia dan remaja untuk menjadi warga Brunei yang berwibawa, kreatif dan inovatif.

KAIB XV PLATFORM PERBINCANGAN ISU-ISU MASYARAKAT ISLAM



TURUT hadir semasa sesi pembentangan ucaptama tersebut ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Pontianak, Kalimantan Barat, Republik Indonesia, Profesor Dr. H. Syarif, S.Ag., M.A.; dan Anggota Dewan Pertimbangan dan Guru Besar Universitas Mulawarman (UNMUL) Samarinda, Kalimantan Timur, Republik Indonesia, Professor Dr.H. Rahmat Soe'ed, M.A.

Manakala selaku Moderator bagi sesi ucaptama kedua pula ialah Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang, UNISSA, Profesor Dato Dr. Zulkifly bin Muda.

Ucaptama Ra'es KUPU SB berjudul 'Manhaj Rabbani Membangun Ummah di Ranah Faba Menuju Alam Baqa'.

Dalam ucaptamanya, Ra'es KUPU SB menerangkan maksud istilah yang terdapat dalam tajuk ucaptama, iaitu 'Manhaj' merujuk kepada metodologi, pendekatan atau sistem; 'Rabbani' merujuk kepada Tuhan atau Allah Subhanahu Wata'alá; 'Membangun Ummah' merujuk kepada memperkuat masyarakat Islam agar hidup sejahtera dan bahagia; 'Ranah Fana' merujuk kepada dunia sementara; dan 'Alam Baqa' merujuk kepada alam akhirat yang kekal abadi.

Antara inti pati ucaptama tersebut ialah pendekatan Ilahi untuk memperkuat masyarakat Islam demi mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan sewaktu hidup di dunia yang sementara dan mencapai kejayaan hakiki yang abadi di akhirat.

Bagi sesi ucaptama kedua,



ANTARA yang menyampaikan ucaptama tersebut (kiri dan kanan).

Ucaptama seterusnya daripada Rektor IAIN, Pontianak berjudul 'Konsep Moderasi Beragama di Perguruan Tinggi Islam'.

Dalam ucaptamanya, Rektor IAIN Pontianak membincangkan kepentingan moderasi dan memberi contoh bagaimana moderasi dipraktikkan di Indonesia.

Beliau kemudian juga menerangkan antara fungsi moderasi beragama ialah untuk menghindari perilaku radikal dalam beragama.

Manakala ucaptama terakhir bagi sesi ucaptama kedua disampaikan oleh Professor Dr. H. Rahmat Soe'ed berjudul 'Antara Idealisme dan Realitas Peran Kampus Sebagai Pencetus dan Penjaga Pengembangan Masyarakat Islam Di Indonesia'.

Antara inti pati ucaptama menyentuh mengenai peranan sesebuah universiti yang sangat strategik dalam sesebuah negara.

Beliau memberi contoh negara Indonesia sebagai negara dengan penduduk Islam terbesar di dunia, dengan jumlah kampus yang agak besar di rantau Asia Tenggara,

sudah tentu diharapkan dapat menyumbang buah fikiran dan memberi contoh teladan dalam pembangunan masyarakat Islam di Indonesia.

Konferensi KAIB XV berlangsung selama dua hari dari 5 hingga 6 Jun 2024.

Konferensi tersebut dianjurkan oleh UNISSA dengan kerjasama 10 buah universiti di kepulauan Borneo.

Di samping itu, KAIB XV kali ini turut bekerjasama dengan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam dan Konsortium Universiti Universitas Borneo (KUUB).

KAIB XV ini juga diadakan bersempena dengan Brunei Mid-Year Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2024 (Conference and Exhibition 2024 BRUNEI - MYCE 2024).

Tema KAIB XV, iaitu 'Membangun Masyarakat dan Perbandaran Islam Yang Mampan' sangat relevan dan penting dalam konteks kehidupan umat Islam pada zaman moden hari ini.

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2024

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Khamis, 6 Jun. - Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) diteruskan bagi hari kedua hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Acara dimulakan pada sebelah pagi dengan sesi pembentangan ucaptama sesi kedua yang diadakan di Dewan Musyawarah dengan pembentang ucaptama adalah daripada ahli-ahli akademik jemputan dari dalam dan luar negara.

Antara inti pati utama topik-topik pembentangan ucaptama yang disampaikan termasuklah mengenai



Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 29 Zulkaedah 1445H/7 Jun 2024M

IBADAT KORBAN:

- Sebahagian dari syiar agama Islam yang mesti kita agungkan dan hormati
- Salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT
- Hukum: Sunat Muakkadah (Sunat yang sangat dituntut)

ADAPUN HIKMAH DARIPADA PENSYARIATAN IBADAT KORBANINI ANTARANYA IALAH:

- 1 Mengambil iktibar dan pengajaran erti sebenar ketaatan seorang hamba kepada Allah SWT
- 2 Memupuk sikap pemedulian dan prihatin terhadap masyarakat
- 3 Melahirkan tanda kesyukuran kepada Allah SWT terhadap nikmat rezeki yang telah dikurniakan
- 4 Dapat mengikis sifat tamak dan mewujudkan sifat murah hati untuk membelanjakan harta ke jalan Allah SWT

APA YANG BOLEH KITA BUAT

Marilah kita sama-sama mempertingkatkan lagi keimanan dan ketaqwaan kita ke hadrat Allah SWT dengan melakukan ibadat korban bagi mereka yang berkemampuan

PELUANG USAHAWAN WANITA TERLIBAT AKTIF DALAM EKONOMI ASEAN

■ Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Jumaat, 7 Jun. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDEB) melalui Darussalam Enterprise (DARE), dalam kapasitinya sebagai wakil Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Jawatkuasa Penyelaras ASEAN untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises-ACCMSME) petang tadi mengadakan Majlis Pelancaran Projek 'Enhancing Digital Economy Participation for ASEAN Women MSMEs' (IDEAS).



Projek tersebut merupakan inisiatif berterusan yang dilaksanakan ACCMSME di bawah Pelan Tindakan Strategik untuk Pembangunan SME 2016 - 2025 (Strategic Action Plan for SME Development-SAP SMED 2025), dalam perkongsian dengan Pusat Rangkaian Maklumat Wanita Asia Pasifik (Asia Pacific Women's Information Network Centre-APWINC) dari Sookmyung Women's University, South Korea.

Projek tersebut bertujuan menyediakan peluang bagi para usahawan wanita untuk terlibat secara aktif dalam ekonomi ASEAN sebagai usaha meningkatkan kapasiti mereka untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi serta platform perniagaan dalam talian menerusi latihan, di samping akses kepada maklumat dan meningkatkan kesalinghubungan dalam kalangan

PENGARAH Pembangunan Perusahaan merangkap Wakil Ketua bagi ACCMSME Brunei Darussalam, Dayang Norlela Suhaili semasa menyampaikan ucapannya.

ahli-ahli negara ASEAN (ASEAN member states-AMS), juga antara AMS dan Republik Korea.

Dengan jumlah pembiayaan lebih daripada USD5.6 juta daripada Dana Kerjasama ASEAN-Korea (ASEAN-Korea Cooperation Fund-AKCF), ia menyeraskan para penerima yang terdiri daripada lebih 4,000 usahawan wanita di seluruh ASEAN.

Projek berkenaan mula dilaksanakan pada Januari 2022 dalam perkongsian dengan konsultan-konsultan dan institusi-institusi dari ASEAN.

Projek tersebut dijangka berjalan hingga 2026 dengan mengetengahkan aktiviti-aktiviti seperti pembangunan kit alat latihan e-Niaga bagi para pengusaha wanita mikro, kecil dan sederhana ASEAN; memupuk para pelatih e-Niaga dalam AMS; latihan pembangunan kapasiti e-Niaga bagi para usahawan wanita mikro, kecil dan sederhana dalam AMS; dan mendorong serta menyokong usahawan wanita mikro, kecil dan sederhana ASEAN untuk melibatkan diri dalam ekonomi digital.

Pelancaran projek tersebut dirasmikan bersama oleh Pengarah Pembangunan Perusahaan merangkap Wakil Ketua bagi ACCMSME Brunei Darussalam, Dayang Norlela Suhaili; dan Timbalan Setiausaha Agung bagi Perancangan di APWINC, Sookmyung University, Korea Selatan, Dr. Han Na Kim, selaku wakil Pengarah Eksekutif Dr. Jungin Jo.

Majlis tersebut berlangsung di Main Auditorium, Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi, Kampung Anggerek Desa.

Hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Turut hadir, agensi-agensi terlibat dan rakan kongsi termasuk



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada Majlis Pelancaran Projek 'Enhancing Digital Economy Participation for ASEAN Women MSMEs' (IDEAS).

konsultan, pembimbing, jurulatih projek dan pelatih.

Dalam ucapannya, Dayang Norlela Suhaili antara lain menggariskan mengenai kepentingan usaha pelbagai organisasi di peringkat ASEAN atau negara dalam membiasakan penglibatan para usahawan wanita mikro, kecil dan sederhana dalam aktiviti-aktiviti ekonomi melalui pelbagai program pembangunan.

Menurutnya, inisiatif tersebut telah dilancarkan untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan para usahawan wanita untuk memulakan proses keusahawanan, memupuk pertumbuhan dan meningkatkan impak mereka dalam landskap ekonomi.

"Dengan pelaksanaan projek ini, saya berharap untuk melihat penglibatan usahawan-usahawan wanita yang menggalakkan dalam menimba ilmu serta kemahiran baharu; dan ia akan membawa pengalaman transformatif yang membantu membentuk semula dan memperkuuh pendekatan mereka terhadap keusahawanan," katanya.

Bagi NBD, projek IDEAS

dilaksanakan dengan kerjasama Big BWN sebagai rakan pelaksana negara, yang akan menyediakan latihan kepada seramai 242 penerima di keempat-empat daerah bermula 9 Jun 2024 hingga Disember 2025.

Pelaksanaan projek berkenaan melibatkan 14 jurulatih tempatan yang menyampaikan modul-modul latihan yang akan disesuaikan dengan keperluan, keadaan dan konteks negara ini.

Modul-modul tersebut termasuk topik seperti penghasilan model dan inovasi perniagaan; pembangunan pelanggan, pengumpulan dana, e-Dagang, teras pemasaran digital, pemasaran digital lanjutan, teras pembangunan kandungan digital lanjutan, privasi dan keselamatan siber; dan pemerkasa wanita dalam ekonomi digital.

Matlamatnya adalah untuk memperkasa para usahawan wanita terlibat secara aktif dalam ekonomi digital dengan meningkatkan kapasiti mereka untuk beralih ke perniagaan dalam talian menerusi penerimaan e-Perniagaan dan kemahiran digital.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia. Sila muat turun Pengguna Bijak.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

menekankan dedikasi mereka untuk mengintegrasikan faktor persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) ke dalam mereka strategi pelaburan, mencerminkan komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap kemampuan.

BIBD Penjajaran Pengurusan Aset dengan UNPRI mencontohi keseluruhan BIBD Securities misi untuk memupuk pembangunan mampan, meningkatkan nilai jangka panjang untuk pihak

berkepentingan, dan menyumbang secara positif kepada komuniti dan persekitaran yang lebih luas.

Dengan pengenalan dana bersama ini, BIBD Securities menetapkan piawaian baharu dalam landskap kewangan tempatan, membuka jalan kepada produk kewangan yang lebih canggih yang boleh memenuhi pelbagai keperluan asas pelabur tempatan yang semakin berkembang.

Q&A & Panel Discussion

Go to slido.com Enter code #LBLF

PARA ahli panel pada semasa Pelancaran Dana Bersama Lion Global Investors.

JERUDONG, Jumaat, 7 Jun. – Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Securities hari ini telah melancarkan dana bersama buat julung kalinya yang direka untuk pelanggan runcit dan dana pertama yang diuruskan oleh orang tempatan yang berbakat dan pengurus dana.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri. Pelancaran ini menandakan detik yang penting dalam evolusi industri perkhidmatan kewangan negara dan mempamerkan komitmen BIBD Securities untuk inovasi dan

kecemerlangan dalam produk kewangan.

Dana bersama yang baharu diperkenalkan itu, diuruskan dengan kerjasama Lion Global Investors dan Pengurusan Aset BIBD di bawah lesen BIBD Securities, bertujuan untuk menawarkan pelaburan runcit yang konservatif dan setentunya bermanfaat.

Dana ini direka untuk memelihara modal dan meningkatkan pendapatan, mengekalkan *liquidity* yang tinggi, yang seajar dengan keperluan kedua-dua pelabur baru dan berpengalaman.

"Dana ini mewakili kemuncak

komitmen kami untuk membangunkan bakat dan kepakaran tempatan dalam kewangan pengurusan," ujar Pengarah Urusan BIBD Securities, Jason Wong ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya.

"Ia bukan sahaja menyerahkan keupayaan kami untuk menguruskan kompleks produk kewangan dari Negara Brunei Darussalam tetapi juga dedikasi kami untuk menyediakan pelanggan kami dengan pilihan pelaburan yang beretika, menguntungkan dan strategik," jelas beliau semasa Pelancaran Dana Bersama Lion Global Investors yang berlangsung di Grand Ballroom, The Empire Brunei, Jerudong.

Pelancaran itu sejajar dengan nilai teras BIBD Securities iaitu Alignment, Continuity, and Education (ACE), yang membimbing operasi dan keputusan strategiknya. Nilai-nilai ini memastikan bahawa syarikat terus menyumbang secara positif kepada fabrik ekonomi dan sosial tempatan, meningkatkan celik kewangan dan menggalakkan amalan pelaburan yang mampan.

Pengurusan Aset BIBD, yang beroperasi di bawah lesen BIBD Securities, juga merupakan institusi kewangan tempatan pertama yang menjadi penandatanganan kepada Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPRI).

Pencapaian penting ini



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis yang berlangsung di Grand Ballroom, The Empire Brunei.

Ibadat korban : Sunat yang sangat dituntut



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Tidak lama lagi Aidiladha akan menjelang dan pada hari tersebut, agama kita telah mensyariatkan satu ibadat yang merupakan salah satu dari syiar agama Islam, iaitu melaksanakan ibadat korban dengan menyembelih binatang ternakan seperti unta, kambing, kerbau, lembu dan seumpamanya.

Sesungguhnya ibadat korban merupakan

sebahagian daripada syiar agama Islam yang mesti kita agungkan dan mesti kita hormati. Allah Subhanahu Wata'ala menjelaskan di dalam Al-Quran bahawa mengagungkan dan menghormati syiar agama Islam itu adalah tanda ketakwaan hati orang-orang yang beriman. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Haj, ayat 32 :

Tafsirnya : "Demikianlah (ajaran Allah) dan sesungguhnya sesiapa yang menghormati syiar-syar Allah (Seperti ibadat korban) maka sesungguhnya perbuatan itu adalah tarbiah daripada ketakwaan hati (kepada Allah)".

Hukum melakukan ibadat korban itu adalah Sunat Muakaddah iaitu sunat yang sangat dituntut. Oleh yang demikian, bagi orang-orang yang berkemampuan untuk melakukan ibadat korban maka peluang yang tidak ternilai dan hanya datang beberapa hari dalam setahun di bulan Zulhijah itu tidak wajar diabaikan dan dilepaskan begitu sahaja.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menyebut tentang fadilat ataupun kelebihan berkorban, antaranya ialah darah korban yang tumpah ke bumi akan mengambil tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Aisyah Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah melainkan menumpahkan darah (menyembelih binatang korban). Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada Hari Kiamat bersama tanduknya, bulunya dan kukunya dan Allah memberi pahala ibadat korban itu sebelum darah binatang korban itu jatuh ke

bumi. Oleh itu, elokkanlah korban kamu". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Sesungguhnya fadilat berkorban sebagaimana yang disebutkan itu tadi sudah menggambarkan betapa beruntungnya orang-orang yang berkorban kerana harta yang dibelanjakan untuk melaksanakan ibadat korban itu akan mendapat pulangan yang besar berupa kebaikan di dunia dan juga di akhirat.

Agama kita mensyariatkan ibadat korban itu sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru, Islam telah menyusun dan mengatur tatacara berkorban dengan kemas dan sempurna. Adapun hikmah daripada pensyariatan ibadat korban ini, antaranya ialah :

Pertama : Mengambil iktibar dan pengajaran tentang erti sebenar ketaatan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ibadat korban mengingatkan kita tentang peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyembelih putera Baginda Nabi Ismail Alaihissalam. Ia merupakan pengorbanan yang benar-benar menguji keimanan dan kesabaran mereka berdua. Perintah yang amat berat itu dilaksanakan atas dasar iman dan takwa yang dilakukan tanpa ragu-ragu atau was-was. Atas dasar ketaatan dan ketulusan mereka itu, maka Allah Subhanahu Wata'ala akhirnya telah memerintahkan agar Nabi Ismail Alaihissalam digantikan dengan seekor Kibas.

Kedua : Memupuk sikap pemedulian dan prihatin terhadap masyarakat. Ini jelas melalui pengagihan daging-daging korban tersebut menunjukkan sikap pemedulian kepada yang berhak menerimanya

khususnya kepada para fakir miskin dan yang memerlukan.

Ketiga : Melahirkan tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat rezeki yang telah dikurniakkannya.

Keempat : Dapat mengikis sifat tamak dan mewujudkan sifat murah hati untuk membelanjakan harta ke jalan Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, harta yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita itu di dalamnya ada terselit hak-hak orang lain seperti golongan fakir miskin.

Marilah kita sama-sama mempertingkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan melakukan ibadat korban terutama bagi mereka yang berkemampuan. Ini kerana ibadat korban itu merupakan pelaburan kita di dunia dan hasil keuntungannya akan kita tuai dan peroleh di akhirat kelak.

Akhirnya, mudah-mudahan dengan kita mengagungkan dan melaksanakan ibadat korban ini, rezeki kita akan semakin bertambah berkat dan diri kita, keluarga kita dan negara kita dijauhi dari segala bentuk musibah, malapetaka dan bala bencana. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Daging dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepadanya ialah ketakwaan kamu. Demikianlah Dia memudahkannya untuk kamu supaya kamu membesarakan Allah atas hidayahnya kepada kamu. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan". (Surah Al-Haj, ayat 37)

Pameran lukisan ketengahkan kiasan masa silam, sekarang

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Pameran Imbauan Silam dan Sekarang oleh Dayang Hufiong Ng selaku artis solo jemputan (bawah kiri dan kanan).

Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Dayang Hufiong Ng yang antara lain menyentuh tentang makna imbauan silam dan sekarang.

Lukisan-lukisan yang dihasilkan merupakan kiasan masa silam dan pengunjung yang hadir menyaksikan lukisan-lukisan tersebut pula merupakan kiasan masa sekarang.

Interaksi antara pengunjung dan lukisan-lukisan diharapkan dapat memberikan impak kepada setiap pengunjung mengenai warisan budaya dan sejarah negara.

Satu lukisan menggambarkan suasana semasa Majlis Doa Kesukuran bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun disumbangkan kepada KKBS oleh Dayang Hufiong Ng pada majlis tersebut.

Pameran berkenaan akan berlangsung selama sebulan



bermula pada hari ini, Rabu, 5 Jun 2024 sehingga Khamis, 27 Jun 2024 dan dibukakan untuk kunjungan orang ramai di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, pada hari Sabtu hingga Khamis, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.



DAYANG Hufiong Ng semasa berucap pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Jun. - Dalam usaha untuk memberikan pendedahan kepada pelukis tempatan menunjukkan bakat mereka, sekali gus memberi sokongan kepada peminat seni dari dalam dan luar negeri, Jabatan Muzium-Muzium melalui Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja mengadakan Pameran Imbauan Silam dan Sekarang oleh Dayang Hufiong Ng selaku artis solo jemputan.

Majlis Pelancaran bagi pameran tersebut diadakan petang tadi di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji

PROGRAM MASYARAKAT BERMAKLUMAT TUTUP TIRAI

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Alishahrin Haji Mumin



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) semasa mendengarkan taklimat dari Unit Siasatan Jenayah, Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Pasukan Polis Diraja Brunei dan daripada pihak Darussalam Enterprise (kanan dan atas), manakala gambar bawah kanan, bawah dan bawah sekali, para peserta mengadakan lawatan ke Galeri Lentera Makmur, Jabatan Penerangan; Bahagian Pelita Brunei dan Syarikat Golden Corporation Sendirian (Sdn.) Berhad (Bhd.), Kampung Serambangun, Tutong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Jun. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang berlangsung selama dua hari menutup tirainya hari ini.

Para peserta daripada Majlis Perundungan Kampung (MPK) Perumahan Negara Kampung Panaga, Seria telah berjaya menamatkan program tersebut melalui taklimat dan lawatan ke beberapa buah tempat.

Pada hari terakhir program tersebut, atur cara dimulakan dengan taklimat bertajuk, 'Kesedaran Bagi Kesalahan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak dan Pencegahan Gangguan Seksual' yang disampaikan oleh Insp. Mohd. Jefry bin Haji Ludin dari Unit Siasatan Jenayah, Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Pada sebelah petang, program diteruskan dengan sesi taklimat bertajuk 'Keusahawanan' yang

disampaikan oleh Dayangku Hajah Siti Normadinah binti Pengiran Haji Omarali daripada pihak Darussalam Enterprise (DARe), yang mengetengahkan fungsi dan penubuhan DARe antara lain dihasratkan untuk membangun perusahaan dan menjadi penggerak perkembangan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Para peserta program juga berpeluang mengadakan lawatan ke Galeri Lentera Makmur, Jabatan Penerangan, sebagai nilai tambah kepada platform penyebaran maklumat yang sedia ada sejajar dengan objektif asal penubuhan Jabatan Penerangan pada 1 April 1952 untuk menyalurkan maklumat dasar dan aktiviti kerajaan kekal relevan dan masih ditanai secara berterusan dalam membarigakan maklumat, dasar dan aktiviti kerajaan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan kepada seluruh lapisan masyarakat tidak mengira di bandar atau pedalaman dalam

usahaannya untuk membudayakan masyarakat bermaklumat.

Seterusnya, para peserta dibawa melawat ke Bahagian Pelita Brunei, iaitu Akhbar Rasmi Kerajaan Pelita Brunei yang mula diterbitkan pada 15 Februari 1956 untuk menyampaikan maklumat mengenai rancangan dan matlamat pembangunan negara, dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan kehidupan rakyat sejagat, pengumuman-pengumuman

penting serta apa jua perubahan yang berhubung kait dengan kepentingan negara dan orang ramai.

Program diakhiri dengan lawatan ke Syarikat Golden Corporation Sendirian (Sdn.) Berhad (Bhd.), Kampung Serambangun, Tutong, yang merupakan sebuah kilang pemprosesan bahan mentah seperti ikan, sotong, udang dan sebagainya yang menggunakan teknologi moden yang berkeupayaan

menghasilkan produk beku berkualiti.

Salah satu acara yang disediakan untuk lawatan ke syarikat tersebut ialah taklimat mengenai latar belakang syarikat, pembangunan produk, dan keterangan terkini mengenai pembangunan produk baru.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Golden Corporation Sdn. Bhd., Michael Sim Kuok Hua.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Jujur, Amanah Dalam Berniaga'. Tarikh Tutup : 12 Jun 2024
2. 'Hentikan Generasi Pembuli'. Tarikh Tutup : 19 Jun 2024
3. 'Keselamatan Jalan Raya Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 26 Jun 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarap jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

PMB BARIGAKAN PERKEMBANGAN, USAHA KERAJAAN



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat berkesempatan membuat lawatan ke Pusat Pekerjaan Brunei (PPB).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Jun. - Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang disertai oleh seramai 25 Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Perumahan Negara Kampung Panaga, Seria diteruskan dengan



Timba ilmu menerusi Program Masyarakat Bermaklumat

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEGAWAI Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Jabatan Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar hadir selaku tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat (kanan). Manakala gambar kiri dan bawah kanan, antara penyampai taklimat.

BERAKAS, Rabu, 5 Jun. - Seramai 25 Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Perumahan Negara Kampung Panaga, Seria telah mengikuti Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang diadakan oleh Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Belait selama dua hari bermula hari ini, bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarangakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada masyarakat ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Jabatan Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Acara diisikan dengan ucapan alu-aluan disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Musa bin Mohidin selaku Pengerusi Program, antara lain menjelaskan program tersebut merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmii mengenai dasar dan maksud kerajaan.

Taklimat pertama yang dikongsikan adalah mengenai jenayah siber oleh Penganalisa

Sekuriti (Security Analyst), Dayang Nomi Hafiz Zakiah binti Haji Pawi dan Penganalisa Sekuriti (Security Analyst), Cyber Security Brunei, Dayang Siti Khadijah binti Haji Ismail.

Ia antara lain menyentuh mengenai perkongsian maklumat peribadi terperinci dalam talian yang boleh digunakan oleh penjenayah siber mengeksplotasi dengan mudah untuk melakukan jenayah terancang.

Oleh itu, untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya penyalahgunaan teknologi media sosial seperti *cyber-bully* dan penipuan dalam talian atau *scamming* atau *phishing* serta ugut, para peserta didekahkan

Turut dijelaskan ialah mengenai langkah-langkah menangani ajaran sesat iaitu hendaklah melengkapkan diri dengan kefahaman Islam yang sebenar melalui proses pembelajaran secara formal atau tidak formal.

Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk memberikan maklumat atau melaporkan pergerakan sesat kepada pihak-pihak berkuasa di negara ini.

Setelah itu, para peserta program seterusnya berkesempatan membuat lawatan ke Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) sebelum mengakhiri hari pertama program hari ini.

Taklimat yang dikongsikan adalah mengenai inisiatif Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) dan PPB ke arah pembangunan tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam.

Antara inisiatif PPTM adalah program peningkatan kemahiran seperti SkillsPlus, SPIN in Accountancy and Skim TVET.

Taklimat bertajuk 'Isu Pengangguran dan Memilih Pekerjaan' disampaikan oleh

Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, PPTM, Dayang Nur Afiqah binti Mursidi dan Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, PPB, Awang Mohd. Khairul Hasbullah bin Haji Anuar.

Inti pati taklimat juga menerangkan PPB berfungsi sebagai pusat kerjaya bagi pencari kerja tempatan dan majikan di sektor swasta.

PPB menyediakan perkhidmatan dalam membantu pencari kerja tempatan untuk meningkatkan *employability* dan *marketability* mereka seperti bengkel penulisan CV dan temu duga serta membantu majikan dalam proses pengambilan pekerja tempatan.

PMB antara lain bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarangakan perkembangan serta usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat melalui taklimat-taklimat serta lawatan-lawatan dengan harapan untuk mengukuhkan jati diri dan menyuntik semangat dalam terus memberikan kerjasama dalam mendukung aspirasi negara.



SEKITAR taklimat yang disampaikan oleh Awang Haji Saharuddin dari Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama di Jabatan Hal Ehwal Syariah; Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, PPTM, Dayang Nur Afiqah binti Mursidi dan Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, PPB, Awang Mohd. Khairul Hasbullah bin Haji Anuar (kiri, kanan dan kanan sekali).



dengan pelbagai isu yang berkaitan dengan jenayah siber dan penggunaannya di media sosial.

Taklimat seterusnya disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Musa mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang mana taklimat tersebut menekankan akan pentingnya menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara, peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah;

masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang untuk kesejahteraan negara.

BAGI MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG MUKIM SERIA, DAERAH I

27 HINGGA 28 ZULKAEDAH BERSAMAAN 05 HINGGA 06 JULI



MUKA 6

PELITA BRUNEI, Rabu 3 Jun, 1964

“Minggu Pelajaran” Menitek Beratkan Pelajaran Sa-Panjang Hari Persekolahan

BANDAR BRUNEI. — Kira2 15,000 orang murid2 Sekolah Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan mengadakan berbagai achara di-sekolah masing2 sa-bagai menyambut MINGGU PELAJARAN dalam bulan Jun ini.

PERJUMPAAN YANG SEDIH

BANDAR BRUNEI.— Kaum India di-Bandar Brunei telah bertafakor selama dua minit pada petang hari Juma'at yang lalu sa-bagai memperingati kematian bekas Perdana Menteri India Pandit Jawaharlal Nehru, mendiang Pandit Nehru, berumer 74 tahun, telah meninggal dunia di-New Delhi pada hari Rabu 27 Mei 1964.

Perjumpaan tersebut telah di-adakan di-pejabat Persatuan India di-Bandar Brunei dan di-hadiri oleh ramai kaum India di-sini dan beberapa orang bangsa lain, termasuk Doktor J. S. Gould, Penasehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kapada Kerajaan Brunei.

Uchapan2 yang sedih memperingati kematian mendiang Pandit Nehru telah di-lafadzkan oleh Doktor Gould serta oleh beberapa orang di-majlis tersebut.

Satu uchapan ta'ziah yang di-hantarkan oleh Konsol Amerika di-Kuching, Awang William Brown kepada Yang Dipertua Persatuan India Bandar Brunei telah di-bachakan di-majlis tersebut oleh Setia Usaha persatuan itu, Awang Thomas.

Dalam uchapan-nya, Awang Brown menyatakan bawahu masharakat Amerika di-Sarawak, Sabah dan Brunei berduka-chita bersama2 dengan masharakat India di-Negeri Brunei atas kematian bekas Perdana Menteri India itu.

Persatuan India Bandar Brunei telah mengutuskan satu kawat ta'ziah kepada Presiden India sa-bagai tanda kesedahan atas kematian bekas Perdana Menteri India, mendiang Pandit Nehru.

AWANG RONALD DAVIES MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI.— Awang Ronald E. Davies, sa-orang Pegawai Jaycee dari Australia telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Jesselton pada petang 23 Mei yang lalu untuk melawat Chabang2 Jaycee di-Bandar Brunei dan Kuala Belait.

Ia telah di-temui oleh Awang Ong Kim Kee, Yang Dipertua, Jaycee Bandar Brunei dan beberapa orang anggota2 Jaycee tempatan.

Awang Davies telah menghadiri Kongres Jaycee Antara Bangsa di-Pulau Pinang baharu2 ini sa-bagai sa-orang dari wakil2 Jaycee Australia.

Kemudian ia telah melawat Chabang2 Jaycee di-Malaya, Singapura dan Sabah.

Pegawai Jaycee tersebut telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang pada petang 25 Mei dalam perjalanan-nya balek ka-Australia.



Awang Ronald E. Davies (tengah) bergambar dengan beberapa orang Pegawai2 Jaycee Bandar Brunei di-hadapan bangunan Lapangan Terbang Brunei pada masa beliau tiba dari Jesselton baharu2 ini.

chemerlang. Ibu Bapa dan pendengar2 sekalian mari-lah kita sama2 bersukor kapada Tuhan yang kita telah dapat bersama2 menuaikan suatu tugas untuk pendorong semangat.

Herja sama di-antara guru2 dengan ibu bapa dan penuntut2 sekalian, moga2 temasha Minggu Pelajaran kita tahun ini akan lebuh berjaya lagi.

Ibu bapa yang di-hormati sekalian Minggu Pelajaran tahun ini akan di-jangongkan dari 1 hingga 30 Jun, 1964. Kira2 15,000 orang kanak2 dari semua Sekolah2 Melayu di-negeri ini akan mengadakan Minggu Pelajaran-nya pada satu hari yang akan di-tetapkan oleh Guru Besar sekolah masing2 di-antara 1 hingga 30 haribulan tersebut.

Sa-bagai yang telah di-maalumi, Minggu Pelajaran yang akan kita adakan ini ia-lah pengganti temasha ‘Hari Ibu Bapa’ yang biasa kita lakukan pada tiap2 tahun yang lalu. Kerana itu ‘Minggu Pelajaran’ sa-sunggoh-nya mempunyai banyak persamaan dengan Hari Ibu Bapa.

Kalau dulu-nya Ibu bapa dan penjaga murid2 berpeluang menyaksikan hasil usaha kanak2 di-sekolah dalam beberapa segi, maka di-Minggu Pelajaran ini juga Ibu bapa dan penjaga kanak2 sekalian akan dapat menyaksikan perkara2 itu. Tetapi bedanya Minggu Pelajaran yang akan di-adakan ini kebanyakannya tertumpu kepada menitek—beratkan hal2 yang berkisar dengan pelajaran dan pengajaran di-sekolah2 pada sa-panjang hari persekolahan.

Pendengar2 yang di-hormati, Tujuan Jabatan Pelajaran mengadakan Minggu Pelajaran ini ia-lah untuk memberi peluang kapada ibu bapa dan penjaga murid2 datang berama2 melawat dan menyaksikan anak2 mereka mempelajari berbagai2 jenis pelajaran di-sekolah. Umpama-nya menyaksikan chara murid2 belajar berkebum, menjahit, bertukang, bernanyi dan mempelajari mata2 pelajaran yang di-ajar oleh guru-nya masing2. Dengan jalan ini ibu bapa dan penjaga kanak2 sekalian akan dapat memerhati dengan terang dan jelas bagai mana chara-nya kanak2 belajar di-sekolah dari sini ibu bapa dan penjaga kanak2 akan dapat me-

ngetahui dalam beberapa hal bersangkutan dengan ‘Pelajaran’ dan ‘Pengajaran’ umpama-nya dalam mara ibu bapa dan penjaga2 memerhati saorang guru mengajar pelajaran ‘Ilmu Kira2’ tentu-lah akan terbit beberapa masalah yang berhubung dengan-nya, dan dari hasil pemerhatian ini ibu bapa dan penjaga2 akan mengetahui apa-kah anak2 itu maju atau mundor menghadapi-nya? atau apakah kesulitan yang menyebabkan anak2 selalu mundor? apa-kah punya chara-nya dari anak2 sendiri atau pun di-sebabkan chara guru menyampaikan pelajaran itu tidak sesuai? atau kurang sokongan dan bantuan di-dekan atau asuhan dari ibu bapa atau penjaga sendiri.

Dari hasil peninjauan dan pemerhatian ibu bapa dan penjaga2 itu kerap, maka ibu bapa atau penjaga akan dapat meletakkan penentuan pertimbangan dan penilaian yang sa-wajar. Oleh itu datang-lah beramai menyaksikan ‘Minggu Pelajaran’ di-sekolah2 Kampong masing2 bila tiba masa-nya.

Kira-nya ibu bapa atau penjaga murid2 sendiri menyedari akan sebab2 kemundoran anak2 dalam pelajarannya maka bantuan dan kerja-sama dari ibu bapa sekalian ada-lah dipohonkan untuk mengatasi segala kesulitan dan kepincangan itu.

Ahkir-nya pehak Jabatan Pelajaran berseru kapada ibu bapa atau penjaga murid2 sekalian agar dapat menghadir dan menyaksikan kemajuan anak2 ibu bapa pada masa ‘Minggu Pelajaran’ di-lancharkan nanti di-sekolah masing2 dan pentupnya terlebih dahulu saya bagi pehak Pegawai Pelajaran Negara mengucapkan berbanyak2 terima kasih kepada semua rakan sejawat saya, Nadzir2, Guru2 Besar dan sekalian guru2 Sekolah Melayu serta siapa saja yang telah dan akan memberi bantuan kerja sama bagi menjayakan Temasha Minggu Pelajaran ini. Terima kasih.”

MASHUARAT AGONG JAYCEE

BANDAR BRUNEI.— Jaycee Bandar Brunei akan mengadakan Mashuarat Agong Ulang Tahunnya bertempat di-Brunei Sports Club pada hari Rabu 10 Jun 1964 mulai pada pukol 5.45 petang.

WAKTU SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3 Jun hingga ka-hari Selasa 16 Jun, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
3	4.37	4.52	12.25	3.42	6.35	7.47
4	4.37	4.52	12.25	3.42	6.35	7.47
5	4.37	4.52	12.25	3.42	6.35	7.47
6	4.37	4.52	12.25	3.42	6.35	7.47
7	4.37	4.52	12.25	3.42	6.35	7.47
8	4.37	4.52	12.25	3.42	6.36	7.48
9	4.37	4.52	12.25	3.42	6.36	7.48
10	4.37	4.52	12.26	3.43	6.36	7.48
11	4.37	4.52	12.26	3.43	6.36	7.48
12	4.37	4.52	12.26	3.43	6.36	7.48
13	4.37	4.52	12.26	3.43	6.37	7.49
14	4.37	4.52	12.26	3.43	6.37	7.49
15	4.37	4.52	12.26	3.43	6.37	7.49
16	4.37	4.52	12.27	3.44	6.38	7.50

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

PUISI

Panggilan Suci

Panggilan suci
Menunaikan haji penuh bererti
Bagi umat Islam yang menghargai
Mempunyai kemampuan diri
Baik wang dan kesihatan sangat bererti.

Kerana,
Ketika itulah ramai perkumpulan
Bermacam bangsa dan negara mengerjakan
Satu tempat satu tujuan
Kekuatan diri harus dipertahankan.

Panggilan suci,
Perkara wajib jangan ditinggalkan
Jika mampu wajib tunaikan
Tiada terhalang menjadi tuntutan.

Dari itu,
Jika ada kemampuan diri
Tunaikanlah haji ke tanah suci
Menyahut panggilan yang telah diberi
Panggilan suci dan mempercayai.

Adi Asma
Beribi Gadong



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Mohammad Khairul Hisyam Jaya

KERUSI *healing* merujuk kepada kerusi lipat atau kerusi camping yang popular digunakan untuk aktiviti rekreasi di luar (*outdoor*) seperti berkhemah, memancing atau sekadar untuk bersantai di pantai atau taman. Konsep *healing* ini berkaitan dengan usaha untuk mencari ketenangan dan melepaskan tekanan dengan dikelilingi alam semula jadi sambil menikmati keselesaan duduk di kerusi yang mudah alih dan tahan lasak. Kerusi ini biasanya diperbuat daripada bahan yang kuat dan tahan lama dengan reka bentuk yang boleh dilipat untuk memudahkan penyimpanan dan pengangkutan. Populariti kerusi ini meningkat kerana ia mudah dibawa apabila melakukan aktiviti luar.

Kerusi *healing* boleh didapati dalam pelbagai warna, jenis dan harga mengikut jenis yang kita pilih. Apa yang menariknya, kerusi *healing* ini mampu milik dan tidak hairan jika ia menjadi satu trend pada masa kini. Kerusi *healing* ini bukan sahaja dapat diperolehi bagi saiz orang dewasa bahkan juga terdapat pelbagai pilihan bagi kanak-kanak dengan reka bentuk yang lucu dan menarik.

Kerusi *healing* semakin popular dalam kalangan peminat aktiviti luar kerana kemampuannya untuk menyediakan keselesaan di mana sahaja ia digunakan. Reka bentuknya yang boleh



dilipat, mudah dibawa dan tahan lasak menjadikannya ideal untuk digunakan di pelbagai lokasi. Ia direka untuk memberikan sokongan belakang yang baik dan tempat duduk yang selesa serta mengurangkan ketegangan badan semasa duduk lama. Di Negara Brunei Darussalam, fenomena kerusi *healing* menjadi semakin popular dalam kalangan penggemar *glamping* (*glamour camping*) dan aktiviti luar. Banyak keluarga dan kumpulan memilih untuk membawa kerusi ini dalam aktiviti luar mereka. Ini memberikan mereka peluang untuk berehat dengan selesa sambil menikmati keindahan alam sekitar tanpa tekanan. Aktiviti seperti *glamping* menggabungkan keselesaan dan keindahan alam semula jadi dan kerusi *healing* juga memainkan peranan penting dalam memastikan pengalaman ini lebih menyenangkan.

Kerusi *healing* adalah inovasi praktikal yang menggabungkan keselesaan dan memastikan setiap momen menjadi pengalaman yang menyenangkan dan bebas tekanan. Kerusi *healing* semakin

PAYMENT CLINIC UNTUK MEMUDAHKAN PROSES TUNTUTAN TERTUNGGAK

Siaran Akbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Jun. - Berikutan dengan pelaksanaan sistem baharu Treasury Accounting and Financial Information System (TAFIS 2.0) mulai 1 April 2024, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menerima beberapa aduan daripada pembekal mengenai kelambatan menerima pembayaran tertentu.

Dalam hal ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memohon maaf atas apa jua kesulitan yang telah dihadapi dan komited untuk bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit, termasuk memastikan pembayaran dibuat dengan segera segera.

Pada masa yang sama, Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga telah menyediakan sumbertambahan untuk menangani isu-isu, menyediakan klinik untuk memberikan latihan dan sokongan secara berterusan kepada para pengguna dan berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah yang berkesan bagi memperbaiki segala kekurangan yang telah dikenal pasti.

Sebagai langkah untuk mempercepatkan pembayaran,

terutama bagi tuntutan-tuntutan yang telah dihadapkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan sebelum 1 April 2024, Jabatan Perpendaharaan telah pun menyediakan Payment Clinic bagi membantu jabatan-jabatan tersebut untuk memproses tuntutan-tuntutan yang tertunggak dengan segera.

Klinik berkenaan beroperasi di Guest Lounge 1, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Pembekal-pembekal yang berkenaan bolehlah berkunjung ke klinik tersebut bagi membolehkan pihak Jabatan Perpendaharaan mendapatkan maklumat mengenai tuntutan-tuntutan yang tertunggak serta pesanan rasmi (*purchase order*) yang dimaksudkan dan akan bekerjasama dengan jabatan-jabatan dari kementerian yang berkenaan untuk mengambil tindakan lanjut.

Untuk membolehkan Jabatan Perpendaharaan menguruskan pembayaran, pihak pembekal hendaklah terlebih dahulu memastikan bahawa pendaftaran di dalam Government Vendor

Portal (GVP) telah pun dibuat dan tuntutan asal telah pun dihadapkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan.

Jabatan Perpendaharaan juga ingin mengingatkan bahawa pembayaran tidak akan dapat diluluskan jika dokumen-dokumen tidak lengkap dan tidak teratur.

Pembekal-pembekal yang memerlukan bantuan untuk mendaftar di dalam GVP, serta mempunyai sebarang pertanyaan mengenai penggunaan GVP, adalah dialu-alukan untuk menghadiri Vendor Clinic di Bilik Mesyuarat 3, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu; bermula 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin mengucapkan berbanyak terima kasih atas kerjasama dan sokongan baik daripada pihak pembekal dan juga orang ramai.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, pembekal bolehlah menghubungi Unit Pusat Perkhidmatan Pelanggan (PPP) di Jabatan Perpendaharaan meneusi talian +673 2383444 atau melalui e-mel ke TAFIS 2.0 Helpdesk di tppp@mofe.gov.bn.

Kerusi *healing* semakin popular dalam kalangan peminat aktiviti luar



diterima sebagai peralatan penting bukan hanya berguna di luar rumah tetapi juga dapat digunakan di dalam rumah sebagai tempat duduk tambahan yang selesa. Ia sesuai untuk digunakan di balkoni, halaman belakang atau ruang tamu dan memberikan

tempat yang nyaman untuk membaca, menonton televisyen atau bersantai. Kerusi *healing* adalah pelaburan yang berbaloi untuk sesiapa sahaja yang ingin menikmati masa luar rumah atau mencari tempat duduk yang selesa dan mudah alih.

PPK - MIXMEDIAWORX METERAI KERJASAMA KEMPEN MEDIA MASSA ANTI-TEMBAKAU

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, bulan.
Khamis, 6 Jun. - Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan menandatangani satu surat persetujuan kerjasama bagi Kempen Media Massa Anti-Tembakau bersama dengan MixMediaWorx Sdn. Bhd.

Majlis Penandatanganan tersebut berlangsung di PPK, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua PPK, Dr. Siti Rosemawati binti Haji Md. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Pegawai Eksekutif PPK, Awang Mohammad Firdey Hazarullah bin Haji Md. Zain.

Majlis diteruskan dengan penandatanganan surat persetujuan dan penyerahan sijil penghargaan dan tayangan dua klip video Kempen Media Massa Anti-Tembakau, iaitu #YouthandVape.

Kerjasama Kempen Media Massa tersebut adalah salah satu inisiatif pembangunan bahan pemasaran anti-tembakau Kementerian Kesihatan sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2024 dan akan berlangsung selama 12

Selain itu, ia juga merupakan usaha untuk memperkuuhkan dan mempertingkatkan serta mempromosikan gaya hidup bebas tembakau dan vape melalui kerjasama bersama syarikat pengiklanan media digital, iaitu MixMediaWorx Sdn. Bhd.

Antara objektif kerjasama tersebut ialah untuk meningkatkan kesedaran tentang bahaya pengambilan tembakau dan rokok elektronik, untuk menentang taktik mengelirukan industri tembakau yang ditujukan kepada belia kita, dan untuk menyokong perkhidmatan berhenti merokok yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Antara bahan pemasaran yang akan disiarkan ialah dua video pemenang Pertandingan Video Pendek #YouthandVape anjuran PPK, yang diumumkan pada 11 November 2023.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif MixMediaWorx Sdn. Bhd., Awang Azlan bin Ahmad; pegawai dan kakitangan kedua-dua belah pihak yang



PUSAT Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan semasa menandatangani satu surat persetujuan Kerjasama bagi Kempen Media Massa Anti-Tembakau bersama dengan MixMediaWorx Sdn. Bhd.

terlibat sama dalam Kempen Media Massa tersebut.

RALAT

BERLAKU kesilapan pada berita bertajuk 'JMSDF adakan Majlis Resepsi' di muka surat 10 Pelita Brunei keluaran Rabu, 5 Jun 2024 pada perenggan kedua dan kapsyen yang sebutulnya adalah 'Pemangku Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Kapten Haji Mohamad Sarif Pudin bin Matserudin'. Kesilapan itu adalah tidak disengajakan dan disesali. – Ketua Penyuntingan

Sesumpah Kuning / Belingkasa / Oriental Garden Lizard

Nama Binatang : Oriental Garden Lizard

Nama Tempatan :
Sesumpah Kuning / Belingkasa

Nama Saintifik : Calotes versicolor

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

UNTUK keluaran Kenali Kehidupan Liar bulan ini, mari kita kenali spesies reptilia Belingkasa atau nama lazimnya dalam bahasa Inggeris, Oriental Garden Lizard. Mereka kerap dilihat di antara tumbuh-tumbuhan dalam persekitaran terbuka, termasuk juga kawasan bandar yang padat. Belingkasa mempunyai tubuh yang kecil dengan panjang sekitar 37 sentimeter. Haiwan ini memiliki bentuk tubuh yang kurus dan tegang berserta dengan saiz ekor yang hampir panjang seperti tubuh badannya. Mereka mempunyai kepala berbentuk segi tiga dengan mata yang terletak di tepi kepala, membolehkan kelebihan pandangan yang luas. Reptilia ini termasuk dalam genus Calotes dan nama saintifiknya adalah Calotes versicolor.

Belingkasa ini biasanya mendiami kawasan semak yang rendah dan batang-batang pokok, di mana mereka cuba memastikan untuk tidak dapat dikesan oleh hidupan lain. Mereka menjalani gaya hidup bersendirian dan diurnal. Pada hari yang panas dan cerah, mereka sering dilihat berjemur di ranting atau dinding, dengan mulut terbuka

Order : Squamata

Kelas Spesies : Reptilia

IUCN : Least concern / Kurang dikhawatir

CITES : Not listed / Tidak tersenarai

luas untuk menyerap haba. Selepas hujan, mereka ini mungkin akan turun ke tanah untuk memakan larva dan serangga kecil yang terjatuh dari pokok. Gigi mereka direka bentuk untuk mencengkam mangsa daripada mengoyaknya, membolehkan mereka menelan mangsanya sepenuhnya setelah melemahkan dengan menggongangnya dengan kuat.

Pada musim pembiakan, belingkasa jantan akan menjadi sangat territorial. Mereka akan menakutkan saingan belingkasa jantan yang lain dengan menguatkan warna merah pada kepala mereka dan melakukan tekan tubi (*push-up*). Setiap belingkasa jantan akan berusaha untuk menarik perhatian betina dengan membesarkekannya dan memperkenalkan kepalanya yang berwarna menarik. Belingkasa betina biasanya bertelur antara 10 hingga 20 telur berbentuk bujur (oval) yang halus di dalam lubang pokok atau lubang yang digali di tanah dan kemudiannya menutupinya dengan teliti. Bentuk telur-telur ini adalah memanjang, berbentuk seperti gelendong dan dilapisi dengan kulit yang keras dan berlendir. Selepas tempoh kira-kira 6-7 minggu, anak-anak akan menetas dan mampu untuk membiak pada usia 1 tahun.

Belingkasa tidak disenaraikan di dalam

CITES (Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora) dan IUCN (International Union for Conservation of Nature) mempunyai status kurang dikhawatir.

Belingkasa adalah pemangsa yang efektif bagi serangga, termasuk serangga perosak tanaman dan vektor penyakit. Dengan memakan serangga, mereka membantu menjaga keseimbangan populasi serangga di lingkungan tersebut. Oriental Garden Lizard dapat membantu dalam penyebaran biji tanaman ketika mereka memakan buah-buahan dan kemudian menyebarkan bijinya melalui kotoran mereka. Oleh kerana itu, belingkasa memiliki peranan yang penting dalam menjaga keseimbangan ekosistem

Sumber Foto : Rommel Oliveros, BWPC 2022, JPH di Negara Brunei Darussalam, baik sebagai pemangsa serangga, pemakan tumbuhan, atau bahkan sebagai bahagian daripada rantai makanan yang lebih luas. Melindungi habitat alami mereka adalah penting untuk menjaga keberlanjutan ekosistem di negara kitani.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar kitani yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : @forestry.brunei. Lindungi hidupan liar kitani untuk memulihara hutan kitani.



BEKAS PERDANA MENTERI CAMEROON DILANTIK PRESIDEN PERHIMPUNAN AGUNG PBB



WASHINGTON, 7 Jun. - Bekas Perdana Menteri Cameroon, Philemon Yang, pada Khamis dipilih "dengan suara sebulat suara" sebagai presiden Sesi ke-79 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) yang akan bermula pada September ini.

Menurut Agensi Anadolu (AA), Yang menyampaikan "penghargaan yang tulus" kepada negara-negara anggota atas sokongan mereka terhadap pemilihannya. Dennis Francis, presiden semasa Perhimpunan Agung, mengucapkan tahniah kepada Yang atas pemilihannya.

"Sebagai Perdana Menteri negaranya, Republik Cameroon dan sebagai Pengerusi Panel

Afrika Terkemuka Kesatuan Afrika serta dalam pelbagai peranan termasuk penglibatannya di PBB, Yang Berhormat Philemon Yang menunjukkan dedikasi yang teguh kepada prinsip keamanan, pembangunan mampan, dan maruah manusia," kata Francis.

Menekankan bahawa Perhimpunan Agung tetap menjadi forum global yang "terunggul dan perlu" untuk membentuk konsensus, merangka penyelesaian, dan memastikan masa depan yang lebih cerah, Francis menambah beliau yakin Perhimpunan Agung akan bangkit untuk menghadapi cabaran semasa penggal Yang.

Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres pula berkata seperti pendahulunya Francis, Guterres

berkata presiden yang baru dipilih akan memainkan "peranan penting" dalam mencapai dunia yang lebih aman dan mampan.

"Beliau mempunyai pengalaman yang luas mewakili negaranya sebagai diplomat dan penjawat awam, serta tugasannya dengan Kesatuan Afrika dan pada peringkat tertinggi kerajaan termasuk sebagai Perdana Menteri Cameroon," tambahnya.

Mengikut giliran serantau yang ditetapkan, presiden sesi ke-79 UNGA mesti dipilih daripada Kumpulan Negara Afrika. Selepas Uganda dan Nigeria, Cameroon menjadi negara Afrika ke-13 yang dilantik sebagai presiden Perhimpunan Agung.

- ©BERNAMA

Thailand umumkan langkah baharu tarik pekerja asing

BANGKOK, 5 Jun. - Thailand mengumumkan langkah-langkah baharu pada Selasa yang bertujuan untuk memperkuatkan daya saing dan menarik pekerja asing berkemahiran tinggi sebagai sebahagian daripada peralihan kepada ekonomi baharu.

Jurucakap kerajaan Chai Watcharong berkata Perdana Menteri Srettha Thavisin komited untuk meningkatkan daya saing Thailand melalui langkah-langkah baharu yang bertujuan untuk memudah cara pemprosesan pelbagai jenis visa.

"Perdana Menteri memberi keutamaan kepada menarik pelaburan dan meningkatkan daya saing Thailand. Kami percaya bahawa memperbaiki dan menyesuaikan langkah-langkah secara berterusan selaras dengan keadaan semasa akan menjadi penting dalam menarik pekerja asing jangka panjang, merangsang pelaburan dalam industri maju, masa depan dan

sasaran untuk manfaat terbesar kepada Thailand," katanya dalam mesyuarat pasca kabinet di sini pada hari Selasa.

Dengan langkah-langkah baharu ini, beliau berkata Thailand menyasarkan untuk menarik tenaga kerja berkemahiran tinggi dan pelabur, berjumlah kira-kira 56,000 orang melalui Pusat Perkhidmatan Sehenti bagi visa dan permit kerja.

Pada masa ini, Chai berkata Thailand telah meluluskan visa dan permit kerja untuk staf asing, termasuk mereka yang bekerja di bawah projek promosi pelaburan, Visa Penduduk Jangka Panjang (LTR Visas), dan Visa Pintar.

Beliau berkata Lembaga Pelaburan (BOI) telah bekerjasama dengan Biro Imigresen dan Kementerian Buruh untuk terus memudahkan pakar asing berkemahiran, pelabur, dan mereka yang ingin tinggal dan bekerja di Thailand.

"Data BOI menunjukkan bahawa pada masa ini, Thailand mempunyai

lebih daripada 56,000 pekerja asing dengan visa dan permit kerja yang diluluskan," katanya.

Beliau berkata kerajaan telah mengurangkan kadar cukai pendapatan peribadi untuk pakar berkemahiran kepada 17 peratus dan memanjangkan tempoh pelaporan kepada Biro Imigresen dari setiap 90 hari kepada sekali setahun.

Chai berkata pada bulan lepas, Kabinet meluluskan visa jenis baru - Visa Destinasi Thailand (DTV) - untuk orang asing berkemahiran yang bekerja secara dalam talian melalui kaedah digital, seperti pekerja dalam talian atau nomad digital.

"Visa ini bertujuan untuk menarik orang asing berkemahiran yang ingin bekerja dan melancong di Thailand, dan langkah ini selaras dengan trend gaya hidup semasa dan dilihat sebagai cara untuk menarik lebih banyak orang asing berpotensi tinggi untuk bekerja di Thailand," katanya. - ©BERNAMA

Malaysia akan dukung prinsip, gerakkan kepaduan sebagai Pengerusi ASEAN 2025

KUALA LUMPUR, 5 Jun. - Malaysia yang bakal menjadi Pengerusi ASEAN tahun depan akan berpegang teguh dengan nilai kebangsaan dan dasar luaranya selain daripada komitmennya kepada organisasi serantau yang diasaskan bersama 57 tahun dahulu, kata Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan.

Beliau berkata ASEAN dan Asia Tenggara telah mencapai kemajuan yang luar biasa dalam pelbagai bidang.

"Komuniti kita sekarang sudah matang dan matlamat jangka panjang akan berada di tempatnya tidak lama lagi. Wawasan Komuniti ASEAN 2045 yang Malaysia diberi kepercayaan untuk menyelaraskan sebagai Pengerusi seterusnya, akan menjadi tanda kepada ketika yang besar pengaruhnya kepada ASEAN."

"Benar beberapa cabaran kekal tetapi ASEAN tidak pernah hidup tanpa cabaran. Asasnya tercetusnya daripada keinginan untuk mengatasi persengketaan dan cabaran pada masa itu. ASEAN terus mengatasi cabaran ini bersama. Kita telah membesar, bersama," katanya dalam Majlis Makan Malam Sempena Meraikan Meja Bulat Asia Pasifik (APR) ke-37 di sini pada Selasa.

Mohamad menekankan kunci utama yang membolehkan kemajuan ini ialah penekanan kepada pemusatan dan mungkin

apa yang lebih penting ialah kepaduan.

"Bersama dengan rakan kongsi luar, saya percaya pemusatan dan kepaduan ASEAN mampu memberikan pengaruh yang positif dalam mengurangkan kesan buruk persaingan kuasa besar di Asia Pasifik. Sementara itu, Mohamad menekankan konflik terutamanya di Myanmar dan Palestin tidak pernah sebegini penting untuk keselamatan dan kestabilan."

"Perang saudara di Myanmar kekal, satu daripada isu yang kritikal dan menekan untuk diuruskan ASEAN. Biar saya berkata sejurnya, kita boleh dan seharusnya melakukannya dengan lebih baik."

"ASEAN dan negara anggotanya perlu memperbetulkan keadaan dan menyelesaikan masalah kita dan berusaha untuk mencapai kata sepakat yang boleh dilaksanakan. Kita mesti memperkasakan keberkesanan pengagihan bantuan kemanusiaan dan melakukan ibat urus dengan pihak berkepentingan untuk mempersiapkan perdamaian politik."

"Kita tidak boleh mengabaikan perkembangan di Myanmar kerana kedinamikan dalamannya mempunyai kesan serantau. Malaysia terutamanya menghadapi kesan daripada mereka yang terpaksa berpindah, yang dipaksa melarikan diri atau dinafikah peluang untuk pulang. Mengulangi

hujah malar diungkapkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu tidak campur tangan bukannya alasan untuk sikap tidak ambil peduli," katanya.

Mengenai Palestin, Mohamad berkata Malaysia secara konsisten mengatakan punca krisis itu perlu ditangani. Beliau berkata peristiwa yang menyebabkan kemusnahan berterusan di Gaza tidak berlaku secara tiba-tiba pada 7 Okt tahun lepas, dan tidak juga berlaku dalam satu ruangan vakum.

"Rakyat Palestin telah berhadapan penaklukan hampir 80 tahun. Dalam beberapa bulan lepas kita mendapati kerajaan di Tel Aviv jika dibiarakan, tidak ragu-ragu untuk melakukan tindakan kejam dan tidak berperikemanusiaan. Rakan-rakan dan sekutu-sekutu Israel perlu mempengaruhi kerajaan itu supaya menghentikan serangan ke atas Gaza."

"Malaysia teguh dengan pendirian kami bahawa rakyat Palestin berhak untuk mempunyai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat menerusi penyelesaian dua negara berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negara."

"Ini mungkin nampak hanya sebagai satu kemungkinan kecil ditengah-tengah keadaan semasa tetapi ia kekal sebagai satu penyelesaian berdaya maju kepada ketidakadilan yang berdekad," katanya. - ©BERNAMA

Jangka hayat warga Singapura capai 83 tahun pada 2023

SINGAPURA, 6 Jun. - Jangka hayat kelahiran bagi penduduk Singapura adalah 83 tahun pada tahun lepas, meningkat 0.6 tahun dari 2013, menurut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik pada Khamis, lapor Xinhua.

Jangka hayat kelahiran lelaki dan wanita di republik itu masing-masing adalah 80.7 tahun dan 85.2 tahun pada 2023.

Data menunjukkan bahawa jangka hayat bagi warga Singapura yang berusia 65 tahun meningkat daripada 20.4 tahun pada 2013 kepada 20.7 tahun pada 2023.

Sementara itu, jabatan itu menyatakan bahawa jangka hayat dari tahun 2020 hingga 2023 terjejas oleh kadar kematian yang lebih tinggi akibat pandemik COVID-19. - ©BERNAMA

Loke ketuai delegasi ke China untuk ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik

KUALA LUMPUR, 5 Jun. - Menteri Pengangkutan Anthony Loke akan mengetuai delegasi melawat Hong Kong dan China dari 6 hingga 9 Jun ini sempena ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan China.

Menurut Kementerian Pengangkutan, beliau akan menghadiri Majlis Sambutan Ulang Tahun Rasmi Ke-50 yang dianjurkan oleh Konsulat Jeneral Malaysia di Hong Kong pada Khamis malam.

Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (HKSAR), John Lee Ka-Chiu akan hadir sebagai Tetamu Kehormat.

Pada hari berikutnya, menteri dijadualkan membuat kunjungan hormat kepada kepimpinan Wilayah Hunan, China sebelum menghadiri majlis perasmian Tren Elektrik baharu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) (ETS3) di kilang pembuatan China Railway Rolling Stock Corporation (CRRC) Zhuzhou Locomotive Co. Ltd (CRRC) di Zhuzhou, Hunan.

"Bermula awal 2025, 10 set tren enam koc baharu akan dilancarkan secara berperingkat untuk meningkatkan kapasiti perkhidmatan tren elektrik KTMB dari Johor Bahru ke Padang Besar," menurut kementerian dalam satu kenyataan.

Kementerian Pengangkutan berkata menteri dan delegasi akan melawat Zon Ekonomi Lapangan Terbang Zhengzhou di wilayah Henan dari 8 hingga 9 Jun untuk membentuk perkongsian baharu bagi masa depan perniagaan kargo udara bernilai tinggi di Malaysia dan China.

Menurut kementerian, semasa lawatan itu Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk projek Air Silk Road Malaysia-China Feight Hub dengan syarikat Zhongyu Aviation (Henan) Co. Ltd.

"Berpandukan prinsip perkongsian yang saling menguntungkan, Malaysia komited untuk terus memperkuatkan dan memperdalam hubungan istimewa dengan China dalam semua sektor pengangkutan," katanya.

Ia juga menyatakan bahawa lawatan kerja itu bertujuan untuk meningkatkan pelaburan bagi meningkatkan kesalinghubungan dan memajukan pembinaan hubungan lebih erat antara ASEAN dan China. - ©BERNAMA

AS tidak akan hantar penasihat tentera, tentera ke Ukraine - Rumah Putih

WASHINGTON, 5 Jun. - Amerika Syarikat (AS) tidak akan menghantar tentera, penasihat tentera atau jurulatih ke Ukraine, kata Penasihat Keselamatan Kebangsaan Rumah Putih Jake Sullivan kepada wartawan, lapor Sputnik.

"Seperti yang telah kami katakan beberapa kali secara rasmi, kami tidak merancang untuk menghantar penasihat tentera, tentera atau jurulatih AS untuk melatih rakyat Ukraine.. Bagi pihak kami, kami tidak merancang untuk misi latihan di Ukraine," kata Sullivan di dalam pesawat Air Force One yang dalam perjalanan ke Perancis pada Selasa. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



PERLAWANAN PERSAHABATAN 8, 11 JUN INI

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



SIDANG Media mengenai Perlawanan Persahabatan Bola Sepak Peringkat Antarabangsa (International Friendly Match Football) bersempena FIFA Days.

BERAKAS, Jumaat, 7 Jun. - Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam akan berentap menentang Pasukan Sri Lanka dalam Perlawanan Persahabatan Bola Sepak Peringkat

Antarabangsa (International Friendly Match Football) bersempena FIFA Days pada 8 dan 11 Jun 2024 ini nanti.

Orang ramai dialu-alukan untuk sama-sama datang memberikan sokongan

dan memeriahkan perlawanan tersebut di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada jam 8.15 malam. Perkara tersebut dinyatakan semasa Sidang Media bertempat di Bilik Persidangan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, pagi tadi.

Jurulatih Pasukan Kebangsaan Negara, Rui Jose Capela Batista, antara lain menjelaskan, semua perlawanan bertaraf antarabangsa adalah begitu sukar. Katanya, meskipun mereka tidak mempunyai banyak masa dalam membuat persediaan tetapi pasukan negara cuba untuk terus bersedia dan yakin untuk menentang pasukan Sri Lanka itu.

"Kami menjangkakan perlawanan yang sukar kerana kami tahu pasukan lain mempunyai pemain yang bagus dan juga jurulatih yang berpengalaman. Tetapi seperti yang saya katakan, kami bersedia untuk perlawanan ini dan sudah tentu kami datang untuk menang," tambah Rui Jose Capela Batista semasa sesi soal jawab Sidang

Media tersebut.

Manakala Jurulatih Kebangsaan Pasukan Sri Lanka, Andy Morrison menjelaskan persiapan yang dibuat adalah berjalan dengan baik meskipun menghadapi beberapa cabaran sejak kebelakangan ini.

Pasukannya, tambahnya seharusnya akan berentap dalam liga dalam masa terdekat dan mendapat setiap perlawanan adalah begitu sukar namun akhirnya ia satu cabaran yang bagus untuk berada pada tahap yang sepatutnya.

Penjualan tiket sudah mula dibuka pada Khamis, 6 Jun 2024 hingga Selasa, 11 Jun 2024 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan FABD House dengan harga BND8 bagi tempat duduk terbuka dan BND10 di tempat duduk premium.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai penjualan tiket, ikuti media sosial Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) @fa.bruneidarussalam di Instagram masing-masing.

BSRC U16 berpesta gol

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SERIA, Jumaat, 7 Jun. - BSRC U16 hari ini berpesta gol dengan kemenangan besar menentang Arabic School U16 dengan keputusan 8 - 1 sekali gus meraih tiga mata penuh pada Kejohanan Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sports School 2024 yang berlangsung di Padang Bola Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC), di sini pagi tadi.

Dalam perlawanan separuh masa pertama menyaksikan kedua-dua pasukan bermain dengan baik dan kemas sehingga memasuki seawal minit ke-3 apabila Arabic School berjaya mengejutkan pihak lawan dengan sumbatan gol pertama mereka melalui jaringan Muhd. Wa'ilul Haji Md. Ali.

Dengan gegaran yang diberikan oleh Arabic School pada awal minit perlawanan tersebut, menjadikan BSRC berusaha keras menentang balik serangan sehingga berjaya menyamakan jaringan gol pada minit ke-9 menerusi sepakan Danish Aqasya Khoo Muhammad Syazwan.

Dengan bermain rentak yang baik, BSRC yang bijak mengatur strategi permainan kemudiannya berjaya menjaringkan gol kedua mereka pada minit ke-25 menerusi Danish Aqasya Khoo Muhammad Syazwan dan sekali lagi menghadiahkan gol ketiga bagi pasukan mereka pada minit ke-30 perlawanan sekali gus menjadikan perlawanan 3 - 1.

Namun beberapa saat akhir masa tambahan pada minit ke-41, pemain BSRC, Faris Ar-Rayyan berjaya menyumbang gol keempat pasukan berkenaan menjadikan kiraan 4 - 1 sebagai penyudah permainan pada separuh masa pertama perlawanan.

Semangat pemain BSRC, Faris Ar-Rayyan terus berkobar apabila berjaya mengejutkan para penonton dan pasukan lawan dengan aksi beliau yang licik sehingga berjaya menjaringkan gol kelima bagi BSRC pada seawal minit ke-42 separuh masa kedua bermula.

Aksi cemerlang pemain BSRC, Faris Ar-Rayyan terus menyerlah apabila beliau sekali lagi berjaya menambah dua lagi gol bagi pasukan mereka pada minit ke-54 melalui sepakan penalti dan pada minit ke-77.

Walau bagaimanapun, Arabic School tetap bermain dengan baik sekalipun mereka tahu peluang adalah sangat tipis bagi mereka untuk menyamakan kedudukan, ditambah lagi dengan serangan bertubuh dan pertahanan kuat yang dibuat oleh BSRC.

Memasuki beberapa minit akhir perlawanan sebelum wisel penamat dibunyikan, BSRC sekali lagi beraksi cemerlang dengan menyudahi perlawanan melalui jaringan gol kelapan mereka menerusi Akmal Hazim Ahmad pada minit masa tambahan ke-82, dan sekali gus menjadikan kedudukan perlawanan 8 - 1.

Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sports School 2024 merupakan anjuran Yakin Football League dan Sekolah Sukan Brunei Darussalam yang mengetengahkan sebanyak lapan pasukan yang akan berentap selama 10 minggu perlawanan bermula 17 Mei hingga 19 Julai di tiga tempat, iaitu di Padang Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Kompleks Sukan Berakas (BSC), dan Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC) Seria.

Perlawanan tersebut dianjurkan untuk mempamerkan bakat-bakat pemain muda



AKSI para pemain pada perlawanan berkenaan.

yang berpotensi dalam sukan bola sepak sebagai aset negara.

Pada minggu keempat tersebut juga akan menyaksikan satu lagi perlawanan

antara BFA yang akan bertemu dengan Kasuka FC U16 pada Ahad, 9 Jun 2024 bertempat di Padang Bola 'A' FABD, Berakas.

Tahukah Awda

MENGAMBIL kira Sektor Tenaga menjalani transformasi dan pertumbuhan, keperluan untuk peraturan yang lebih kukuh selaras dengan perubahan landskap dalam memastikan keutamaan negara, kerajaan mengambil langkah untuk menubuhkan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam. Ia adalah badan pengawal selia bagi industri minyak dan gas di Brunei Darussalam. Visi jangka panjang untuk industri ini berkisar kepada mewujudkan industri yang progresif dan berdaya tahan yang peka terhadap pasaran yang sentiasa berubah, mampu meningkatkan nilai yang dicipta untuk menjamin masa depan negara.

SUMBER : Petroleum Authority of Brunei Darussalam.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

IBADAT KORBAN PELABURAN KITA DI DUNIA